
185
Maran



Kuantiti Pengeluaran
(Tan Metrik)
Production Quantity
(Tonnes)

29,493
Pekan

24,581
Rompin

928
Maran



Kuantiti Jualan
(Tan Metrik)
Sales Quantity
(Tonnes)

29,170
Pekan

14,928
Rompin

920
Maran



Nilai Jualan
(RM '000)
Sales Value
(RM '000)

35,791
Pekan

18,425
Rompin

1,308
Maran



Pendapatan
(RM '000)
Income
(RM '000)

39,000
Pekan

21,101
Rompin

1,326
Maran



Perbelanjaan
(RM '000)
Expenditure
(RM '000)

16,751
Pekan

11,754
Rompin

581
Maran

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024





PARAMETER UTAMA TANAMAN PADI: DAERAH PENTADBIRAN

KEY PARAMETERS PADDY CROP: ADMINISTRATIVE DISTRICT



Jerantut

	8
	8
	8
	22
	22
	33
	63
	27

Kuantan

	7
	26
	26
	76
	62
	75
	939
	325

Pekan

	2,282
	7,648
	7,648
	29,493
	29,170
	35,791
	39,000
	16,751

Bentong

	1
	15
	15
	53
	53
	64
	65
	40

Rompin

	1,373
	5,075
	4,714
	24,581
	14,928
	18,425
	21,101
	11,754

Bera

	3
	63
	63
	404
	389
	542
	587
	397

Maran

	7
	185
	185
	928
	920
	1,308
	1,326
	581

Temerloh

	32
	33
	32
	92
	90
	110
	474
	265

Petunjuk:



Pegangan
Pertanian
Agricultural
Holdings



Keluasan
Bertanam
(Hektar)
Planted Area
(Hectares)



Keluasan
Bertuai
(Hektar)
Harvest Area
(Hectares)



Kuantiti
Pengeluaran
(Tan Metrik)
Production
Quantity
(Tonnes)



Kuantiti
Jualan
(Tan Metrik)
Sales Quantity
(Tonnes)



Nilai Jualan
(RM '000)
Sales Value
(RM '000)



Pendapatan
(RM '000)
Income
(RM '000)



Perbelanjaan
(RM '000)
Expenditure
(RM '000)

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024



SOROTAN TANAMAN PADI, PULAU PINANG, 2023 HIGHLIGHTS ON PADDY CROP, PULAU PINANG, 2023



PEGANGAN PERTANIAN AGRICULTURAL HOLDINGS



5,031

INDIVIDU INDIVIDUAL



5,021

PERTUBUHAN ESTABLISHMENT



10

PROFIL PROFILE

Kewarganegaraan Citizenship



Warganegara
Malaysian
100.0%

5,021 individu merupakan
warganegara
5,021 persons are malaysian

Jantina Sex



Lelaki
Male
87.7%

617 adalah perempuan
617 are female

Kumpulan Umur Age Group



60 Tahun dan ke atas
60 years & above
44.3%

147 individu adalah belia
147 persons are youth

Kumpulan Etnik Ethnic Group



Bumiputera
Bumiputera
91.7%

4,604 individu merupakan
bumiputera
4,604 persons are bumiputera

Taraf Perkahwinan Marital Status



Berkahwin
Married
75.2%

559 individu tidak pernah
berkahwin
559 persons have never married

Sijil Tertinggi Diperoleh Highest Certificate Attained



Menengah
Secondary
50.9%

417 individu mencapai
pendidikan tertiar
417 individuals achieved tertiary education

MEKANISASI MECHANISATION



50.6%

2,548 pegangan pertanian menggunakan jentera
dan kenderaan bermotor
2,548 agricultural holdings using machinery and vehicles



10.2%

512 pegangan pertanian menggunakan dron
512 agricultural holdings using drones

PARAMETER UTAMA KEY PARAMETERS



Pegangan
Pertanian
Agricultural
Holdings

3,912
Seberang Perai Utara

644
Seberang Perai Tengah

508
Seberang Perai Selatan



Keluasan
Bertanam
(Hektar)
Planted Area
(Hectares)

16,757
Seberang Perai Utara

3,713
Seberang Perai Tengah

1,860
Seberang Perai Selatan



Keluasan Bertuai
(Hektar)
Harvest Area
(Hectares)

16,535
Seberang Perai Utara

3,660
Seberang Perai Tengah

1,809
Seberang Perai Selatan



Kuantiti
Pengeluaran
(Tan Metrik)
Production Quantity
(Tonnes)

104,654
Seberang Perai Utara

14,697
Seberang Perai Tengah

11,223
Seberang Perai Selatan



Kuantiti Jualan
(Tan Metrik)
Sales Quantity
(Tonnes)

91,251
Seberang Perai Utara

13,785
Seberang Perai Tengah

9,666
Seberang Perai Selatan



Nilai Jualan
(RM '000)
Sales Value
(RM '000)

124,363
Seberang Perai Utara

18,217
Seberang Perai Tengah

12,498
Seberang Perai Selatan



Pendapatan
(RM '000)
Income
(RM '000)

144,369
Seberang Perai Utara

22,317
Seberang Perai Tengah

16,444
Seberang Perai Selatan



Perbelanjaan
(RM '000)
Expenditure
(RM '000)

39,994
Seberang Perai Utara

8,382
Seberang Perai Tengah

5,193
Seberang Perai Selatan

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024



PARAMETER UTAMA TANAMAN PADI: DAERAH PENTADBIRAN KEY PARAMETERS PADDY CROP: ADMINISTRATIVE DISTRICT



Barat Daya

	57
	606
	594
	3,681
	3,605
	4,745
	5,036
	1,614

Seberang Perai Selatan

	508
	1,860
	1,809
	11,223
	9,666
	12,498
	16,444
	5,193

Seberang Perai Utara

	3,912
	16,757
	16,535
	104,654
	91,250
	124,363
	144,369
	39,994

Seberang Perai Tengah

	644
	3,713
	3,660
	14,697
	13,785
	18,217
	22,317
	8,382

Petunjuk:



Pegangan
Pertanian
Agricultural
Holdings



Keluasan
Bertanam
(Hektar)
Planted Area
(Hectares)



Keluasan
Bertuai
(Hektar)
Harvest Area
(Hectares)



Kuantiti
Pengeluaran
(Tan Metrik)
Production
Quantity
(Tonnes)



Kuantiti
Jualan
(Tan Metrik)
Sales Quantity
(Tonnes)



Nilai Jualan
(RM '000)
Sales Value
(RM '000)



Pendapatan
(RM '000)
Income
(RM '000)



Perbelanjaan
(RM '000)
Expenditure
(RM '000)

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024



SOROTAN TANAMAN PADI, PERAK, 2023 HIGHLIGHTS ON PADDY CROP, PERAK, 2023



PERAK

PEGANGAN PERTANIAN AGRICULTURAL HOLDINGS



14,262

INDIVIDU INDIVIDUAL



14,244

PERTUBUHAN ESTABLISHMENT



18

PROFIL PROFILE

Kewarganegaraan Citizenship



Warganegara
Malaysian
99.9%

Hanya 1 individu bukan warganegara
Only 1 person is non malaysian

Jantina Sex



Lelaki
Male
78.5%

3,059 individu perempuan
3,059 female individuals

Kumpulan Umur Age Group



60 Tahun dan ke atas
60 years & above

51.2%

260 individu adalah belia
260 persons are youth

Kumpulan Etnik Ethnic Group



Bumiputera
Bumiputera
95.9%

13,660 individu merupakan bumiputera
13,660 persons are bumiputera

Taraf Perkahwinan Marital Status



Berkahwin
Married
68.1%

1,574 individu tidak pernah berkahwin
1,574 persons have never married

Sijil Tertinggi Diperoleh Highest Certificate Attained



Menengah
Secondary
50.4%

766 individu mencapai pendidikan tertiar
766 persons achieved tertiary education

MEKANISASI MECHANISATION



53.6%

7,639 pegangan pertanian menggunakan jentera dan kenderaan bermotor
7,639 agricultural holdings using machinery and vehicles



14.2%

2,021 pegangan pertanian menggunakan dron
2,021 agricultural holdings using drones

PARAMETER UTAMA KEY PARAMETERS



Pegangan Pertanian
Agricultural Holdings

8,032
Kerian

3,202
Perak Tengah

2,321
Hilir Perak



Keluasan Bertanam (Hektar)
Planted Area (Hectares)

37,986
Kerian

23,010
Perak Tengah

14,242
Hilir Perak



Keluasan Bertuai (Hektar)
Harvest Area (Hectares)

37,981
Kerian

23,005
Perak Tengah

14,238
Hilir Perak



Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik)
Production Quantity (Tonnes)

127,634
Kerian

86,625
Perak Tengah

79,325
Hilir Perak



Kuantiti Jualan (Tan Metrik)
Sales Quantity (Tonnes)

110,889
Kerian

74,971
Hilir Perak

74,657
Perak Tengah



Nilai Jualan (RM '000)
Sales Value (RM '000)

152,376
Kerian

119,401
Perak Tengah

109,154
Hilir Perak



Pendapatan (RM '000)
Income (RM '000)

194,072
Kerian

167,687
Perak Tengah

127,800
Hilir Perak



Perbelanjaan (RM '000)
Expenditure (RM '000)

78,926
Perak Tengah

68,879
Kerian

35,340
Hilir Perak

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024




PARAMETER UTAMA TANAMAN PADI: DAERAH PENTADBIRAN

KEY PARAMETERS PADDY CROP: ADMINISTRATIVE DISTRICT



PERAK



Petunjuk:



Pegangan
Pertanian
(Agricultural
Holdings)



Keluasan
Bertanam
(Hektar)
(Hectares)



Keluasan
Bertuai
(Hektar)
(Hectares)



Kuantiti
Pengeluaran
(Tan Metrik)
(Tonnes)



Kuantiti
Jualan
(Tan Metrik)
(Tonnes)



Nilai Jualan
(RM '000)
Sales Value
(RM '000)



Pendapatan
(RM '000)
Income
(RM '000)




Perbelanjaan
(RM '000)
Expenditure
(RM '000)

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024



PARAMETER UTAMA TANAMAN PADI: DAERAH PENTADBIRAN

KEY PARAMETERS PADDY CROP: ADMINISTRATIVE DISTRICT



Petunjuk:



Pegangan
Pertanian
(Agricultural
Holdings)



Keluasan
Bertanam
(Hektar)
(Planted Area
(Hectares))



Keluasan
Bertuai
(Hektar)
(Harvest Area
(Hectares))



Kuantiti
Pengeluaran
(Tan Metrik)
(Production
Quantity
(Tonnes))



Kuantiti
Jualan
(Tan Metrik)
(Sales Quantity
(Tonnes))



Nilai Jualan
(RM '000)
(Sales Value
(RM '000))



Pendapatan
(RM '000)
(Income
(RM '000))



Perbelanjaan
(RM '000)
(Expenditure
(RM '000))

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024





SOROTAN TANAMAN PADI, PERLIS, 2023

HIGHLIGHTS ON PADDY CROP, PERLIS, 2023



PEGANGAN PERTANIAN AGRICULTURAL HOLDINGS



12,409

INDIVIDU INDIVIDUAL



12,387

PERTUBUHAN ESTABLISHMENT



22

PROFIL PROFILE

Kewarganegaraan Citizenship



Warganegara
Malaysian
100.0%

12,387 individu merupakan
warganegara
12,387 persons are malaysian

Jantina Sex



Lelaki
Male
75.6%

3,017 adalah perempuan
3,017 are female

Kumpulan Umur Age Group



60 Tahun dan ke atas
60 years & above
54.4%

269 individu adalah belia
269 persons are youth

Kumpulan Etnik Ethnic Group



Bumiputera
Bumiputera
93.4%

11,564 individu merupakan
bumiputera
11,564 persons are bumiputera

Taraf Perkahwinan Marital Status



Berkahwin
Married
74.6%

1,049 individu tidak pernah
berkahwin
1,049 persons have never married

Sijil Tertinggi Diperoleh Highest Certificate Attained



Menengah
Secondary
44.0%

1,052 individu mencapai
pendidikan tertiar
1,052 persons achieved tertiary education

PARAMETER UTAMA KEY PARAMETERS



Pegangan
Pertanian
Agricultural
Holdings

12,528



Keluasan
Bertanam
(Hektar)
Planted Area
(Hectares)

49,377



Keluasan Bertuai
(Hektar)
Harvest Area
(Hectares)

44,942



Kuantiti
Pengeluaran
(Tan Metrik)
Production Quantity
(Tonnes)

186,573



Kuantiti Jualan
(Tan Metrik)
Sales Quantity
(Tonnes)

162,843



Nilai Jualan
(RM '000)
Sales Value
(RM '000)

222,181

MEKANISASI MECHANISATION



65.7%

8,153 pegangan pertanian menggunakan jentera
dan kenderaan bermotor
8,153 agricultural holdings using machinery and vehicles



24.7%

3,062 pegangan pertanian menggunakan dron
3,062 agricultural holdings using drones



Pendapatan
(RM '000)
Income
(RM '000)

309,456



Perbelanjaan
(RM '000)
Expenditure
(RM '000)

134,518

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024





SOROTAN TANAMAN PADI, SELANGOR, 2023

HIGHLIGHTS ON PADDY CROP, SELANGOR, 2023



PEGANGAN PERTANIAN AGRICULTURAL HOLDINGS



7,603

INDIVIDU INDIVIDUAL



7,593

PERTUBUHAN ESTABLISHMENT



10

PROFIL PROFILE

Kewarganegaraan Citizenship



Warganegara
Malaysian
99.9%

Hanya 1 individu bukan warganegara
Only 1 person is non Malaysian

Jantina Sex



Lelaki
Male
80.0%

1,520 individu perempuan
1,520 female individuals

Kumpulan Umur Age Group



60 Tahun dan ke atas
60 years & above
46.5%

366 individu adalah belia
366 persons are youth

Kumpulan Etnik Ethnic Group



Bumiputera
Bumiputera
89.5%

6,796 individu merupakan bumiputera
6,796 persons are bumiputera

Taraf Perkahwinan Marital Status



Berkahwin
Married
88.5%

391 individu tidak pernah berkahwin
391 persons have never married

Sijil Tertinggi Diperoleh Highest Certificate Attained



Menengah
Secondary
77.5%

281 individu mencapai pendidikan tertiar
281 persons achieved tertiary education

MEKANISASI MECHANISATION



90.3%

6,863 pegangan pertanian menggunakan jentera dan kenderaan bermotor
6,863 agricultural holdings using machinery and vehicles



911 pegangan pertanian menggunakan dron
911 agricultural holdings using drones

12.0%

PARAMETER UTAMA KEY PARAMETERS



Pegangan Pertanian
Agricultural Holdings

5,289
Sabak Bernam

2,561
Kuala Selangor



Keluasan Bertanam
(Hektar)
Planted Area
(Hectares)

27,000
Sabak Bernam

11,707
Kuala Selangor



Keluasan Bertuai
(Hektar)
Harvest Area
(Hectares)

26,848
Sabak Bernam

11,578
Kuala Selangor



Kuantiti Pengeluaran
(Tan Metrik)
Production Quantity
(Tonnes)

152,873
Sabak Bernam

95,532
Kuala Selangor



Kuantiti Jualan
(Tan Metrik)
Sales Quantity
(Tonnes)

151,992
Sabak Bernam

92,909
Kuala Selangor



Nilai Jualan
(RM '000)
Sales Value
(RM '000)

244,230
Sabak Bernam

150,204
Kuala Selangor



Pendapatan
(RM '000)
Income
(RM '000)

328,260
Sabak Bernam

178,286
Kuala Selangor



Perbelanjaan
(RM '000)
Expenditure
(RM '000)

119,298
Sabak Bernam

45,273
Kuala Selangor

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024





PARAMETER UTAMA TANAMAN PADI: DAERAH PENTADBIRAN

KEY PARAMETERS PADDY CROP: ADMINISTRATIVE DISTRICT




Sabak Bernam




5,289
27,000
26,848
152,873
151,992
244,230
328,260
119,298

Kuala Selangor



2,561
11,707
11,578
93,532
92,909
150,204
178,286
45,273



Petunjuk:



Pegangan
Pertanian
Agricultural
Holdings



Keluasan
Bertanam
(Hektar)
Planted Area
(Hectares)



Keluasan
Bertuai
(Hektar)
Harvest Area
(Hectares)



Kuantiti
Pengeluaran
(Tan Metrik)
Production
Quantity
(Tonnes)



Kuantiti
Jualan
(Tan Metrik)
Sales Quantity
(Tonnes)



Nilai Jualan
(RM '000)
Sales Value
(RM '000)



Pendapatan
(RM '000)
Income
(RM '000)



Perbelanjaan
(RM '000)
Expenditure
(RM '000)

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024





SOROTAN TANAMAN PADI, TERENGGANU, 2023 HIGHLIGHTS ON PADDY CROP, TERENGGANU, 2023



PEGANGAN PERTANIAN AGRICULTURAL HOLDINGS



5,240

INDIVIDU INDIVIDUAL



5,231

PERTUBUHAN ESTABLISHMENT



9

PROFIL PROFILE

Kewarganegaraan Citizenship



Warganegara
Malaysian
100.0%

5,231 individu merupakan warganegara
5,231 individuals are Malaysian

Jantina Sex



Lelaki
Male
84.0%

Hanya 836 individu perempuan
Only 836 female individuals

Kumpulan Umur Age Group



60 Tahun dan ke atas
60 years & above
39.9%

212 individu adalah belia
212 persons are youth

Kumpulan Etnik Ethnic Group



Bumiputera
Bumiputera
99.9%

5,229 individu merupakan bumiputera
5,229 individuals are bumiputera

Taraf Perkahwinan Marital Status



Berkahwin
Married
73.5%

519 individu tidak pernah berkahwin
519 individuals have never married

Sijil Tertinggi Diperoleh Highest Certificate Attained



Menengah
Secondary
49.0%

428 individu mencapai tahap pendidikan tertier
428 individuals achieved tertiary education level

MEKANISASI MECHANISATION



70.6%

3,701 pegangan pertanian menggunakan jentera dan kenderaan bermotor
3,701 agricultural holdings using machinery and vehicles



18.2%

955 pegangan pertanian menggunakan dron
955 agricultural holdings using drones

PARAMETER UTAMA KEY PARAMETERS



Pegangan Pertanian
Agricultural Holdings

3,777
Besut

620
Setiu

313
Kuala Nerus



Keluasan Bertanam
(Hektar)
Planted Area (Hectares)

13,778
Besut

1,309
Setiu

551
Marang



Keluasan Bertuai
(Hektar)
Harvest Area (Hectares)

8,836
Besut

1,079
Setiu

528
Marang



Kuantiti Pengeluaran
(Tan Metrik)
Production Quantity (Tonnes)

66,981
Besut

3,982
Setiu

1,855
Marang



Kuantiti Jualan
(Tan Metrik)
Sales Quantity (Tonnes)

58,357
Besut

2,280
Setiu

1,652
Marang



Nilai Jualan
(RM '000)
Sales Value (RM '000)

77,485
Besut

2,899
Setiu

2,175
Marang



Pendapatan
(RM '000)
Income (RM '000)

108,503
Besut

5,547
Setiu

2,961
Kuala Nerus



Perbelanjaan
(RM '000)
Expenditure (RM '000)

51,249
Besut

3,373
Setiu


1,313
Marang

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024



PARAMETER UTAMA TANAMAN PADI: DAERAH PENTADBIRAN

KEY PARAMETERS PADDY CROP: ADMINISTRATIVE DISTRICT



Petunjuk:

- Pegangan Pertanian
Agricultural Holdings
- Keluasan Bertanam (Hektar)
Planted Area (Hectares)
- Keluasan Bertuai (Hektar)
Harvest Area (Hectares)
- Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik)
Production Quantity (Tonnes)
- Kuantiti Jualan (Tan Metrik)
Sales Quantity (Tonnes)
- Nilai Jualan (RM '000)
Sales Value (RM '000)
- Pendapatan (RM '000)
Income (RM '000)
- Perbelanjaan (RM '000)
Expenditure (RM '000)

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024





SOROTAN TANAMAN PADI, SABAH, 2023 HIGHLIGHTS ON PADDY CROP, SABAH, 2023



SABAH

PEGANGAN PERTANIAN AGRICULTURAL HOLDINGS



6,768

INDIVIDU INDIVIDUAL



6,760

PERTUBUHAN ESTABLISHMENT



8

PROFIL PROFILE

Kewarganegaraan Citizenship



Warganegara
Malaysian
99.8%

Hanya 11 individu bukan
warganegara
Only 11 persons are non Malaysian

Jantina Sex



Lelaki
Male
65.9%

2,305 adalah perempuan
2,305 are female

Kumpulan Umur Age Group



60 Tahun dan ke atas
60 years & above
45.4%

175 individu adalah belia
175 persons are youth

Kumpulan Etnik Ethnic Group



Bumiputera
Bumiputera
98.9%

6,677 individu merupakan
bumiputera
6,677 persons are bumiputera

Taraf Perkahwinan Marital Status



Berkahwin
Married
71.7%

813 individu tidak pernah
berkahwin
813 persons have never married

Sijil Tertinggi Diperoleh Highest Certificate Attained



Menengah
Secondary
32.4%

368 individu mencapai
pendidikan tertiar
368 persons achieved tertiary education

MEKANISASI MECHANISATION



46.5%

3,146 pegangan pertanian menggunakan jentera
dan kenderaan bermotor
3,146 agricultural holdings using machinery and vehicles



118 pegangan pertanian menggunakan dron
118 agricultural holdings using drones

1.7%

PARAMETER UTAMA KEY PARAMETERS



Pegangan
Pertanian
Agricultural
Holdings

2,940
Kota Belud

678
Keningau

668
Kota Marudu



Keluasan
Bertanam
(Hektar)
Planted Area
(Hectares)

7,789
Kota Belud

1,482
Kota Marudu

848
Keningau



Keluasan Bertuai
(Hektar)
Harvest Area
(Hectares)

7,767
Kota Belud

1,475
Kota Marudu

847
Keningau



Kuantiti
Pengeluaran
(Tan Metrik)
Production Quantity
(Tonnes)

36,742
Kota Belud

5,814
Kota Marudu

4,141
Keningau



Kuantiti Jualan
(Tan Metrik)
Sales Quantity
(Tonnes)

31,177
Kota Belud

4,828
Kota Marudu

3,118
Keningau



Nilai Jualan
(RM '000)
Sales Value
(RM '000)

39,390
Kota Belud

5,969
Kota Marudu

3,982
Keningau



Pendapatan
(RM '000)
Income
(RM '000)

49,024
Kota Belud

7,911
Kota Marudu

7,592
Keningau



Perbelanjaan
(RM '000)
Expenditure
(RM '000)

20,064
Kota Belud

3,847
Kota Marudu


3,208
Keningau

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024



PARAMETER UTAMA TANAMAN PADI: DAERAH PENTADBIRAN

KEY PARAMETERS PADDY CROP: ADMINISTRATIVE DISTRICT




Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024



PARAMETER UTAMA TANAMAN PADI: DAERAH PENTADBIRAN


KEY PARAMETERS PADDY CROP: ADMINISTRATIVE DISTRICT



Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

PARAMETER UTAMA TANAMAN PADI: DAERAH PENTADBIRAN

KEY PARAMETERS PADDY CROP: ADMINISTRATIVE DISTRICT



Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024





SOROTAN TANAMAN PADI, SARAWAK, 2023 HIGHLIGHTS ON PADDY CROP, SARAWAK, 2023



PEGANGAN PERTANIAN AGRICULTURAL HOLDINGS



14,394

INDIVIDU INDIVIDUAL



14,388

PERTUBUHAN ESTABLISHMENT



6

PROFIL PROFILE

Kewarganegaraan Citizenship



Warganegara
Malaysian
99.9%

Hanya 18 individu bukan
warganegara
Only 18 persons are non malaysian

Jantina Sex



Lelaki
Male
97.8%

313 adalah perempuan
313 are female

Kumpulan Umur Age Group



60 Tahun dan ke atas
60 years & above
47.9%

Hanya 153 individu adalah belia
Only 153 persons are youth

Kumpulan Etnik Ethnic Group



Bumiputera
Bumiputera
98.6%

14,168 individu merupakan
bumiputera
14,168 individuals are bumiputera

Taraf Perkahwinan Marital Status



Berkahwin
Married
76.7%

935 individu tidak pernah
berkahwin
935 individuals have never married

Sijil Tertinggi Diperoleh Highest Certificate Attained



Menengah
Secondary
17.5%

377 individu mencapai
pendidikan tertiar
377 individuals achieved tertiary education

MEKANISASI MECHANISATION



85.1%

12,255 pegangan pertanian menggunakan
jentera dan kenderaan bermotor
12,255 agricultural holdings using machinery and vehicles



10.3%

1,487 pegangan pertanian menggunakan dron
1,487 agricultural holdings using drones

PARAMETER UTAMA KEY PARAMETERS



Pegangan
Pertanian
Agricultural
Holdings

1,723
Bau

1,817
Serian

1,373
Tebedu



Keluasan
Bertanam
(Hektar)
Planted Area
(Hectares)

527
Sri Aman

465
Lawas

416
Lingga



Keluasan Bertuai
(Hektar)
Harvest Area
(Hectares)

501
Sri Aman

462
Lawas

414
Lingga



Kuantiti
Pengeluaran
(Tan Metrik)
Production Quantity
(Tonnes)

1,522
Lingga

1,128
Tebedu

1,053
Sri Aman



Kuantiti Jualan
(Tan Metrik)
Sales Quantity
(Tonnes)

855
Lingga

664
Sri Aman

315
Tebedu



Nilai Jualan
(RM '000)
Sales Value
(RM '000)

1,058
Lingga

848
Sri Aman

332
Tebedu



Pendapatan
(RM '000)
Income
(RM '000)

18,285
Sri Aman

6,630
Tebedu

4,884
Serian



Perbelanjaan
(RM '000)
Expenditure
(RM '000)

14,093
Sibu

1,542
Sri Aman


1,438
Tebedu

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024



PARAMETER UTAMA TANAMAN PADI: DAERAH PENTADBIRAN

KEY PARAMETERS PADDY CROP: ADMINISTRATIVE DISTRICT



Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024




PARAMETER UTAMA TANAMAN PADI: DAERAH PENTADBIRAN

KEY PARAMETERS PADDY CROP: ADMINISTRATIVE DISTRICT



SARAWAK



Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024



PARAMETER UTAMA TANAMAN PADI: DAERAH PENTADBIRAN

KEY PARAMETERS PADDY CROP: ADMINISTRATIVE DISTRICT



SARAWAK

Sri Aman

863
527
502
1,053
664
849
7,084
1,542

Daro

416
371
366
623
249
299
4,455
993

Tanjung Manis

17
8
7
19
2
3
40
15

Matu

173
107
107
206
72
91
1,162
273

Maradong

77
29
29
49
24
31
471
125

Lundu

366
158
148
269
98
114
1,756
410

Lubok Antu

668
376
360
472
183
234
1,377
1,129

Kanowit

625
271
271
764
205
265
3,971
853

Pakan

1
1
1
1
1
1
3
3

Petunjuk:



Pegangan
Pertanian
Agricultural
Holdings



Keluasan
Bertanam
(Hektar)
Planted Area
(Hectares)



Keluasan
Bertuai
(Hektar)
Harvest Area
(Hectares)



Kuantiti
Pengeluaran
(Tan Metrik)
Production
Quantity
(Tonnes)



Kuantiti
Jualan
(Tan Metrik)
Sales Quantity
(Tonnes)



Nilai Jualan
(RM '000)
Sales Value
(RM '000)



Pendapatan
(RM '000)
Income
(RM '000)




Perbelanjaan
(RM '000)
Expenditure
(RM '000)

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024



PARAMETER UTAMA TANAMAN PADI: DAERAH PENTADBIRAN

KEY PARAMETERS PADDY CROP: ADMINISTRATIVE DISTRICT



Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024




PARAMETER UTAMA TANAMAN PADI: DAERAH PENTADBIRAN

KEY PARAMETERS PADDY CROP: ADMINISTRATIVE DISTRICT



SARAWAK



Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024





KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA



PARAMETER UTAMA JELAPANG PADI, MALAYSIA, 2023

KEY PARAMETERS GRANARY AREA OF PADDY CROP, MALAYSIA, 2023



Pegangan
Pertanian
Agricultural
Holdings

87,343



Keluasan
Bertanam
(Hektar)
Planted Area
(Hectares)

408,322



Keluasan
Bertuai
(Hektar)
Harvest Area
(Hectares)

391,619



Kuantiti
Pengeluaran
(Tan Metrik)
Production Quantity
(Tonnes)

1,774,887



Kuantiti
Jualan
(Tan Metrik)
Sales Quantity
(Tonnes)

1,542,006



Nilai Jualan
(RM '000)
Sales Value
(RM '000)

2,167,254



Pendapatan
(RM '000)
Income
(RM '000)

2,895,212



Perbelanjaan
(RM '000)
Expenditure
(RM '000)

1,198,576

Perlis

6,614
29,958
26,519
106,623
94,659
127,312
171,563
75,773

Kedah

46,513
188,358
187,213
789,444
636,415
894,997
1,312,005
654,852

Kelantan

3,665
50,714
41,334
180,599
168,681
208,136
244,252
75,003

Terengganu

1,507
6,528
4,465
30,972
27,015
35,788
47,054
22,633

Sabah

1,029
3,156
3,154
14,804
13,050
16,620
19,264
7,825

Pulau Pinang

5,121
22,936
22,598
134,255
118,306
159,822
188,165
55,184

Perak

11,039
56,179
56,170
221,826
198,643
280,809
347,204
116,515

Selangor

7,850
38,707
38,426
246,405
244,901
394,434
506,546
164,572

Pahang

3,142
11,259
11,240
48,906
39,671
48,488
52,076
24,678

Sarawak

863
527
502
1,053
664
849
7,084
1,542

Nota: Peta tidak mengikut skala sebenar
Sumber: Banci Pertanian 2024
Note: The map is not to scale
Source: Agriculture Census 2024



@StatsMalaysia





KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA



PARAMETER UTAMA LUAR JELAPANG PADI, MALAYSIA, 2023 KEY PARAMETERS NON-GRANARY AREA OF PADDY CROP, MALAYSIA, 2023

Pegangan
Pertanian
Agricultural
Holdings

45,065

Keluasan
Bertanam
(Hektar)
Planted Area
(Hectares)

138,463

Keluasan
Bertuai
(Hektar)
Harvest Area
(Hectares)

128,051

Kuantiti
Pengeluaran
(Tan Metrik)
Production Quantity
(Tonnes)

529,347

Kuantiti
Jualan
(Tan Metrik)
Sales Quantity
(Tonnes)

443,523

Nilai Jualan
(RM '000)
Sales Value
(RM '000)


620,803

Pendapatan
(RM '000)
Income
(RM '000)

946,521

Perbelanjaan
(RM '000)
Expenditure
(RM '000)

427,525



Nota: Peta tidak mengikut skala sebenar
Sumber: Banci Pertanian 2024
Note: The map is not to scale
Source: Agriculture Census 2024



@StatsMalaysia



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



PENEMUAN UTAMA

50

Tulang Belakang Bendang: Memahami Realiti Petani Padi Negara

57

Sawah Kita, Masa Depan Kita: Keluasan Bertanam Padi sebagai Aset Negara

63

Sawah Subur, Negara Makmur: Keluasan Tuaian dan Sumbangan Pengeluaran Padi

67

Sawah Bernilai: Dari Bendang ke Pasaran

71

Mengira Setiap Sen: Realiti Ekonomi Petani Padi Malaysia

78

Dua Landskap, Satu Matlamat: Keberhasilan Padi Jelapang dan Luar Jelapang

85

Warisan Tanpa Pewaris: Cabaran Pegangan Pertanian yang Semakin Uzur

89

Belia dan Bendang: Menyemai Masa Depan Pertanian Negara

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

PENGENALAN

Laporan Banci Pertanian 2024: Padi menghimpunkan dapatan komprehensif berkaitan struktur, taburan dan ciri-ciri penanaman padi di Malaysia bagi tahun rujukan 2023. Maklumat yang dilaporkan meliputi pegangan pertanian individu dan pertubuhan yang menjalankan aktiviti penanaman padi untuk tujuan jualan. Lokasi pegangan pertanian dalam tanaman padi merujuk kepada lokasi kediaman bagi pegangan pertanian individu, manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan merujuk kepada alamat pertubuhan berada.

Parameter yang dipaparkan meliputi gambaran mengenai landskap pengeluaran padi negara termasuk aspek demografi pegangan pertanian. Selain itu, laporan ini turut merangkumi keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan, nilai jualan, pendapatan dan perbelanjaan yang semuanya dirujuk mengikut lokasi aktiviti penanaman padi dijalankan.

Padi merupakan tanaman makanan ruji negara yang menjadi komponen teras dalam sistem keselamatan makanan Malaysia. Tanaman ini tergolong dalam keluarga *Poaceae* yang memainkan peranan penting

dalam sistem agromakanan. Industri ini bukan sahaja membekalkan sumber makanan asas kepada rakyat, malah menyokong pembangunan ekonomi luar bandar melalui rantai nilai yang merangkumi penanaman, pengurusan bendang, pemprosesan, pengilangan dan pengedaran. Pengeluaran padi negara tertumpu di beberapa negeri jelang utama seperti Kedah, Perak, Kelantan, Selangor dan Perlis yang terus menjadi penyumbang kepada tahap sara diri beras negara.

Walaupun pengeluaran domestik masih belum memenuhi keseluruhan permintaan dalam negara, pelbagai usaha pemerkasaan terus dilaksanakan termasuk dasar pertanian bersepadu, penggunaan varieti berprestasi tinggi, peningkatan mekanisasi, pengurusan air yang cekap serta penerapan teknologi moden. Analisis yang dibentangkan berperanan sebagai rujukan penting untuk menilai keberkesanan intervensi sedia ada, mengenal pasti jurang pembangunan dan merangka strategi baharu bagi mengukuhkan kelestarian serta daya saing tanaman padi pada masa hadapan.

Paparan 1

Varieti Padi



TULANG BELAKANG BENDANG: MEMAHAMI REALITI PETANI PADI NEGARA

Tanaman padi kekal sebagai komoditi strategik dalam sektor pertanian Malaysia, bukan sahaja sebagai sumber makanan ruji tetapi juga sebagai asas kelangsungan ekonomi luar bandar. Dapatan Banci Pertanian 2024, sejumlah 130,394 pesawah dikenal pasti sebagai pegangan pertanian dalam kategori pegangan pertanian individu, mewakili 99.9 peratus daripada keseluruhan pegangan pertanian tanaman padi yang direkodkan. Hanya 0.1 peratus (170 pertubuhan) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

Pegangan pertanian individu mendominasi

Penglibatan pegangan pertanian dalam tanaman padi menunjukkan kecenderungan yang tinggi terhadap pengkhususan, dengan majoriti individu terlibat dalam tanaman padi sahaja. Seramai 120,298 individu menjalankan aktiviti padi secara tunggal, mewakili 92.3 peratus daripada keseluruhan pegangan pertanian individu tanaman padi. Dalam kalangan pegangan pertanian pertubuhan pula 90.0 peratus (153 pertubuhan) turut melaksanakan penanaman padi sahaja.

Sebahagian kecil pegangan pertanian memilih untuk mempelbagaikan aktiviti mereka. Seramai 8,237 individu mengusahakan tanaman padi bersama tanaman lain, merangkumi 6.3 peratus daripada jumlah keseluruhan. Terdapat 11 pertubuhan turut

Landskap pegangan pertanian

Kedah kekal sebagai negeri utama dalam sektor pertanian Malaysia, khususnya dalam pengeluaran padi dan tanaman makanan. Banci Pertanian 2024 melaporkan negeri ini mencatat 53,751 pegangan pertanian, mewakili 41.2 peratus daripada jumlah nasional. Daripada jumlah tersebut, 53,689 pegangan dikendalikan oleh individu (99.9%) manakala 62 pegangan (0.1%) dikendalikan oleh pertubuhan. **Kubang Pasu**



menanam padi bersama aktiviti penanaman tanaman lain. Pendekatan ini berpotensi meningkatkan daya tahan ekonomi isi rumah tani melalui kepelbagaian hasil dan pengurusan risiko.

Sementara itu, 1,859 individu menggabungkan tanaman padi dengan subsektor pertanian lain seperti ternakan atau perikanan, mewakili 1.4 peratus. Banci Pertanian 2024 turut merekodkan hanya enam pertubuhan melaksanakan penanaman padi bersama subsektor pertanian yang lain. Walaupun peratusan ini rendah, ia menunjukkan wujudnya model pegangan campuran yang boleh dimanfaatkan untuk pembangunan pertanian bersepadu dan kelestarian sumber.


mencatat bilangan tertinggi dengan 13,437 pegangan pertanian (25.0%), termasuk 13,417 individu dan 20 pertubuhan. Kawasan ini terkenal dengan aktiviti penanaman padi berskala besar dan penglibatan aktif institusi pertanian. **Kota Setar** berada di kedudukan kedua dengan 12,652 pegangan (23.5%), terdiri daripada 12,635 individu dan 17 pertubuhan. Sebagai pusat pentadbiran negeri, daerah ini menunjukkan keseimbangan

KOTAK 1: PESAWAH MALAYSIA 2023

Tanaman padi terus memainkan peranan penting dalam struktur pertanian negara, bukan sahaja sebagai sumber makanan ruji tetapi juga sebagai pemacu kelangsungan ekonomi luar bandar. Bilangan pesawah di Malaysia direkodkan seramai 209,260 orang, dengan majoriti besar—iaitu 87.4 peratus—terlibat dalam kategori pegangan pertanian individu. Corak ini menunjukkan bahawa pengusahaan padi di Malaysia masih bergantung kuat kepada pegangan pertanian yang mengusahakan tanah secara persendirian, sama ada untuk tujuan komersial atau sara diri.

Selain pegangan pertanian individu, dapatan Banci Pertanian 2024 turut menonjolkan peranan pesawah sara diri yang membentuk 25.1 peratus daripada keseluruhan pesawah negara. Golongan ini menanam padi semata-mata untuk kegunaan domestik, tanpa tujuan pasaran. Fenomena ini amat ketara di negeri seperti Sarawak dan Kelantan, yang masing-masing mencatat 26,061 dan 12,856 pesawah sara diri. Kebergantungan terhadap tanaman padi sebagai sumber makanan asas di negeri-negeri ini mencerminkan kepentingan budaya dan ekonomi sara diri dalam kalangan komuniti luar bandar, khususnya di kawasan pedalaman dan tanah tinggi.

Tanaman padi untuk sara diri bukan sahaja berfungsi sebagai pelindung kepada keselamatan makanan isi rumah, malah menjadi simbol kesinambungan warisan pertanian tradisional. Dalam konteks dasar, dapatan ini memberi isyarat bahawa sokongan terhadap pesawah sara diri perlu dirangka secara lebih inklusif, termasuk dari segi akses kepada benih berkualiti, teknologi rendah kos, dan latihan sendiri yang bersesuaian dengan kapasiti tempatan.



antara pengusahaan tradisional dan institusi. Pendang mencatat 9,994 pegangan (18.6%), hampir kesemuanya dikendalikan oleh individu, mencerminkan kekuatan komuniti pesawah dan tradisi pertanian yang kukuh.

Sarawak berada di kedudukan kedua dengan mencatatkan sejumlah 14,394 pegangan pertanian, mewakili 11.0 peratus daripada keseluruhan pegangan di Malaysia. Daripada jumlah ini, 14,388 pegangan dikendalikan oleh individu, manakala hanya enam pegangan dikendalikan oleh pertubuhan.


Antara daerah yang mencatat bilangan tertinggi ialah **Bau** dengan 1,719 pegangan (11.9%), diikuti rapat oleh **Serian**, 1,682 pegangan (11.7%) dan **Tebedu**, 1,389 pegangan (9.6%). Ketiga-tiga daerah ini memperlihatkan penglibatan aktif komuniti tani. Kuching, sebagai pusat pentadbiran negeri, mencatatkan 703 pegangan (4.9%), menunjukkan wujudnya aktiviti pertanian bandar dan pinggir bandar yang masih aktif. Daerah Sri Aman pula mencatat 780 pegangan (5.4%), termasuk satu pertubuhan, menandakan wujudnya usaha berorganisasi dalam pengeluaran pertanian. Daerah Kapit, Lawas, Lubok Antu dan Lundu masing-masing mencatat 777, 777, 652 dan 356 pegangan. Daerah seperti Samarahan dan Simunjan turut menunjukkan potensi pertanian dengan masing-masing mencatat 216 dan 94 pegangan.

Sebaliknya, daerah seperti **Bintulu**, **Pusa**, dan **Sarikei** mencatat bilangan yang sangat rendah, masing-masing hanya tujuh, lima dan empat pegangan. Secara keseluruhan, lebih 99.9 peratus pegangan pertanian di Sarawak dikendalikan oleh individu.

Negeri **Perak**, sebagai penyumbang ketiga tertinggi, menunjukkan kepentingan strategik dalam pengeluaran padi negara. Daripada jumlah pegangan di Perak, daerah **Kerian** sahaja menyumbang 8,187 pegangan, iaitu

57.4 peratus daripada keseluruhan negeri. **Perak Tengah** pula menyumbang 3,528 pegangan (24.7%), manakala **Hilir Perak** mencatatkan 2,194 pegangan (15.4%). Daerah-daerah lain seperti Kuala Kangsar, Selama, Larut Matang, Kinta, Kampar dan Muallim masing-masing menyumbang kurang daripada 1.0 peratus pegangan negeri. Perbandingan ini memperlihatkan tumpuan penanaman padi yang tinggi di kawasan utara dan tengah Perak, khususnya di Kerian dan Perak Tengah, yang memainkan peranan penting dalam menjamin bekalan beras negara.

Perlis, walaupun bersaiz kecil dari segi geografi, menyumbang 12,409 pegangan pertanian individu (9.5%), menjadikannya negeri keempat tertinggi. Kepadatan pegangan pertanian di Perlis mencerminkan keberkesanan pengurusan tanah pertanian dan tradisi penanaman padi yang masih kukuh dalam kalangan masyarakat setempat.



Profil Demografi Pegangan Pertanian Tanaman Padi


Analisis demografi menunjukkan majoriti besar terdiri daripada **warganegara** Malaysia, iaitu 130,357 orang (99.9%). Bilangan bukan warganegara yang terlibat dalam pegangan pertanian tanaman padi adalah sangat kecil berbanding warganegara, namun taburannya menunjukkan beberapa negeri mempunyai kehadiran yang lebih ketara. Secara keseluruhan, hanya 37 bukan warganegara direkodkan di seluruh Malaysia. Ini mewakili kira-kira 0.03 peratus daripada jumlah keseluruhan.

Sarawak mencatat bilangan tertinggi bukan warganegara iaitu 18 orang, bersamaan 48.7 peratus daripada jumlah bukan warganegara di Malaysia. **Sabah** pula merekodkan 11 orang, menyumbang 29.7 peratus, menjadikan kedua-dua negeri ini sebagai lokasi utama penglibatan bukan warganegara dalam sektor ini. **Kelantan**, **Perak** dan **Selangor** masing-masing mencatat satu hingga dua orang, dengan sumbangan peratusan antara 2.7 peratus hingga 5.4 peratus. Negeri-negeri lain seperti Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perlis, Terengganu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya menunjukkan tiada kehadiran bukan warganegara dalam rekod pegangan pertanian tanaman padi.

Struktur pegangan pertanian individu bagi tanaman padi di Malaysia pada tahun 2023 memperlihatkan dominasi jelas oleh kumpulan etnik **Bumiputera**, yang menguasai seramai 125,105 pegangan atau 96.0 peratus daripada keseluruhan negara. Negeri **Kedah** mencatatkan bilangan tertinggi pegangan Bumiputera iaitu 51,469 pegangan (41.1%), diikuti oleh **Sarawak** (14,168 pegangan, 11.3%) dan **Perak** (13,660 pegangan, 10.9%). Negeri-negeri seperti Kelantan, Perlis, dan Sabah turut menunjukkan sumbangan ketara dalam kalangan Bumiputera, masing-masing melebihi 5,000 pegangan.

Bagi kumpulan etnik **Cina**, jumlah keseluruhan pegangan adalah 3,742 (2.9%), dengan **Kedah** mencatatkan bilangan tertinggi dengan 1,591 pegangan (42.5%), diikuti oleh **Selangor** (635 pegangan, 17.0%) dan **Perak** (540 pegangan, 14.4%). Walaupun bilangan ini jauh lebih kecil berbanding Bumiputera, ia menunjukkan kehadiran kumpulan etnik Cina dalam tanaman padi di negeri-negeri utara Semenanjung.

Kumpulan etnik **India** pula mencatatkan jumlah yang sangat rendah, iaitu hanya 612 pegangan (0.5%) di seluruh negara. **Kedah** merupakan negeri yang paling menonjol dalam kategori ini dengan 210 pegangan pertanian (34.3%), **diikuti** oleh



Perlis (189 pegangan, 30.9%) dan Selangor (156 pegangan, 25.5%). Negeri-negeri lain mencatatkan bilangan yang amat kecil atau tiada langsung pegangan oleh kumpulan etnik India.

Kategori "**Lain-lain**" mencatatkan 898 pegangan (0.7%), dengan **Kedah** (415 pegangan, 46.2%) dan **Perlis** (380 pegangan, 42.3%) menjadi penyumbang utama. Ini menunjukkan kehadiran komuniti kumpulan etnik minoriti dalam sektor pertanian padi, khususnya di kawasan utara.

Taburan kumpulan umur dalam kalangan kumpulan etnik menunjukkan pola demografi yang berbeza, mencerminkan sejarah penglibatan dan kesinambungan generasi dalam sektor pertanian tanaman padi. Dalam kalangan **Bumiputera**, kumpulan umur 60 tahun dan ke atas mencatat 61,741 individu, mewakili 49.4 peratus daripada keseluruhan Bumiputera yang terlibat.

Bagi kumpulan etnik **Cina**, kumpulan umur 60 tahun dan ke atas turut mencatat bilangan tertinggi dengan 2,268 individu, bersamaan 60.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kumpulan etnik tersebut. Ini menandakan penglibatan yang lebih tinggi dalam kalangan warga emas, manakala penyertaan golongan muda berumur 15 hingga 30 tahun kekal rendah dengan hanya 54 individu atau 1.4 peratus.


Dalam kalangan kumpulan etnik **India**, 304 individu berada dalam kumpulan umur 60 tahun dan ke atas, mewakili 49.7 peratus daripada keseluruhan. Kumpulan umur 31 hingga 45 tahun pula mencatat 103 individu, bersamaan 16.8 peratus, menunjukkan penyertaan yang agak seimbang antara generasi pertengahan dan warga emas.

Kumpulan etnik **Lain-lain** menunjukkan pola yang sama, dengan 465 individu berumur 60 tahun dan ke atas, mewakili 51.8 peratus

daripada jumlah keseluruhan. Golongan muda dalam kumpulan etnik ini mencatat 12 individu, bersamaan 1.3 peratus, menunjukkan penyertaan yang sangat terhad dalam kalangan generasi muda.

Taburan pegangan pertanian tanaman padi mengikut jantina menunjukkan dominasi **lelaki** di seluruh negeri, namun terdapat variasi ketara dari segi bilangan dan peratusan antara negeri. Di peringkat nasional, lelaki mencatat 103,679 orang, bersamaan 79.5 peratus daripada jumlah keseluruhan 130,394, manakala wanita berjumlah 26,715 orang atau 20.5 peratus.

Kedah merupakan negeri dengan bilangan tertinggi bagi kedua-dua jantina, mencatat 41,096 (76.5%) lelaki dan 12,593 (23.5%) wanita. **Sarawak** pula memperlihatkan jurang paling besar, dengan 14,075 lelaki dan hanya 313 wanita, menjadikan peratusan lelaki mencecah 97.8 peratus. Negeri seperti Kelantan dan Terengganu turut menunjukkan dominasi lelaki melebihi 84 peratus, manakala wanita kekal di bawah 16 peratus.



Perlis mencatat 9,370 lelaki dan 3,017 wanita, dengan wanita mewakili 24.3 peratus. Negeri seperti Melaka, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur menunjukkan bilangan yang kecil, namun peratusan wanita berada dalam lingkungan 15 hingga 20 peratus. Sabah pula mencatat 4,455 lelaki dan 2,305 wanita, menjadikan peratusan wanita sekitar 34.1 peratus, tertinggi di Malaysia, menunjukkan penglibatan wanita yang lebih aktif dalam sektor ini di negeri berkenaan.

Bagi taraf perkahwinan, lebih separuh daripada pemegang adalah **berkahwin**, iaitu seramai 91,151 orang (69.9%). Terdapat 18,160 orang (13.9%) yang berstatus balu atau duda, manakala 11,186 orang (8.6%) tidak pernah berkahwin. Status bercerai dan berpisah masing-masing mencatat 1,652 orang (1.3%) dan 208 orang (0.2%).

Struktur pegangan pertanian tanaman padi di Malaysia menunjukkan pola yang jelas mengikut kumpulan umur dan negeri, dengan dominasi ketara oleh golongan berusia 60 tahun dan ke atas. Secara keseluruhan,


daripada 130,394 pegangan individu, seramai 64,796 orang (49.7%) dimiliki oleh mereka yang berumur 60 tahun dan ke atas, diikuti oleh kumpulan umur 46–59 tahun (41,998 orang, 32.2%), 31–45 tahun (20,526, 15.7%), dan hanya 3,084 orang (2.4%) oleh golongan muda berumur 15–30 tahun.

Negeri **Kedah** mencatatkan jumlah pegangan tertinggi dalam semua kumpulan umur, khususnya dalam kalangan warga emas dengan 28,162 pegangan (21.6%) daripada keseluruhan negara bagi kumpulan umur tersebut), menandakan peranan tradisional dan berterusan negeri itu dalam tanaman padi. Sarawak dan Perak turut menunjukkan sumbangan besar dalam kalangan pemilik berumur 46 tahun ke atas, masing-masing dengan lebih 5,000 pegangan dalam kumpulan umur 60 tahun dan ke atas.

Sebaliknya, negeri seperti Johor, Melaka, dan Negeri Sembilan mencatatkan jumlah pegangan yang lebih rendah dalam semua kategori umur, mencerminkan tumpuan pertanian yang lebih kecil atau berbeza. Golongan muda (15–30 tahun) menunjukkan penglibatan yang sangat rendah di semua negeri, dengan Kedah mencatatkan jumlah tertinggi seramai 1,063 pegangan, namun ini hanya mewakili 0.8 peratus daripada keseluruhan negara. Negeri seperti Sarawak dan Sabah pula menunjukkan struktur umur yang lebih seimbang, dengan peratusan yang agak tinggi dalam kumpulan umur 46–59 tahun dan 60 tahun dan ke atas, mencerminkan kesinambungan generasi dalam penglibatan pertanian.

Profil pendidikan pemegang individu bagi tanaman padi menunjukkan bahawa sebahagian besar mempunyai kelulusan asas atau rendah. Seramai 48,027 orang (36.8%) memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM/SPM(V)), menjadikannya kumpulan teramai. Diikuti oleh 31,891 orang (24.5%) yang berada di bawah

Paparan 5 Pegangan Pertanian Individu Mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia 2023



taraf kelulusan SPM, dan 21,124 orang (16.2%) yang tidak memiliki sebarang sijil. Seramai 2,325 orang (1.8%) memiliki kelulusan STPM atau yang setaraf.

Bagi pemegang yang mempunyai kelulusan tinggi, seramai 2,732 orang (2.1%) memiliki ijazah, diploma lanjutan atau sarjana, manakala 1,898 orang (1.5%) mempunyai diploma dari politeknik atau universiti. Selain itu, 787 orang (0.6%) memiliki diploma kemahiran khusus atau teknikal (TVET), dan

547 orang (0.4%) memiliki sijil kemahiran khusus atau teknikal. Seramai 551 orang (0.4%) memiliki sijil daripada politeknik, universiti atau badan pengiktirafan, manakala hanya 68 orang (0.1%) mencapai tahap Doktor Falsafah (PhD). Secara keseluruhan, data ini menunjukkan bahawa sektor tanaman padi masih bergantung kepada tenaga kerja berpendidikan asas, dan ini perlu diambil kira dalam merangka strategi latihan, pemerkasaan teknikal serta dasar pembangunan pertanian yang lebih inklusif dan berimpak tinggi.

Jadual 1

Pegangan Pertanian Tanaman Padi mengikut Kumpulan Umur dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023

Kumpulan Umur	Tertiari	Menengah	Rendah	Tiada Sijil
15—30	409	1,746	245	85
31—45	2,928	11,817	2,378	787
46—59	3,333	19,796	10,240	4,189
≥ 60	2,238	14,668	19,028	16,063

Taburan sijil tertinggi diperolehi dalam kalangan pegangan pertanian tanaman padi menunjukkan corak pendidikan yang berbeza mengikut kumpulan umur, mencerminkan perubahan akses dan keutamaan pendidikan dari generasi ke generasi.

Golongan pegangan pertanian tanaman padi yang berumur 60 tahun dan ke atas merupakan kumpulan paling ramai, dengan 64,796 individu terlibat. Kumpulan umur ini merupakan penyumbang tertinggi dalam kategori tiada sijil dengan peratusan 76.0 peratus (16,063 individu). Kumpulan umur ini turut mendominasi kategori pendidikan rendah dengan diwakili 59.7 peratus (19,028 individu). Hanya 2,238 orang dalam kategori ini memiliki pendidikan tertiar, menunjukkan jurang pendidikan yang ketara

dalam kalangan petani berusia. Walaupun, generasi terdahulu kurang terdedah kepada pendidikan formal, namun tetap memainkan peranan penting dalam sektor pertanian.

Dalam kalangan pegangan pertanian yang memiliki pendidikan menengah merekodkan individu yang berumur 46–59 tahun merupakan peratusan yang paling tinggi dengan diwakili 41.2 peratus (19,796 daripada 48,027 individu). Pendidikan tertiar turut melaporkan kumpulan umur yang sama merekodkan bilangan tertinggi dengan 3,475 individu, bersamaan 37.4 peratus daripada keseluruhan pencapaian tertiar. Walaupun kumpulan ini menunjukkan penguasaan pendidikan menengah dan tertiar yang kukuh, hampir satu pertiga berada dalam kategori pendidikan rendah.

SAWAH KITA, MASA DEPAN KITA: KELUASAN BERTANAM PADI SEBAGAI ASET NEGARA

Penanaman padi di Malaysia lazimnya dijalankan dua kali setahun, iaitu musim utama dan musim kedua, bergantung kepada sistem pengairan dan kesesuaian tanah. Di kawasan jelapang dan tanah sawah yang berair tetap, ada juga negeri yang melaksanakan tiga musim dalam tempoh dua tahun, khususnya bagi meningkatkan pengeluaran dan memanfaatkan teknologi serta sokongan infrastruktur. Amalan ini membolehkan pesawah mengoptimumkan hasil melalui pengurusan masa penanaman yang lebih cekap dan bersepadu.

Banci Pertanian 2024 merekodkan keluasan fizikal tanah sawah di Malaysia berjumlah 269,622 hektar, dengan agihan yang jelas menunjukkan peranan negeri-negeri utama dalam pengeluaran padi. **Kedah** mencatat 114,010 hektar, bersamaan kira-kira 42.3 peratus daripada jumlah keseluruhan, menjadikannya penyumbang utama kepada struktur tanah sawah negara. **Perak** berada pada keluasan 25,608 hektar (9.5%), manakala Perlis dan Selangor masing-masing merekodkan 23,659 hektar (8.8%) dan 20,442 hektar (7.6%). Kelantan menunjukkan keluasan 19,074 hektar (7.1%), diikuti oleh Pulau Pinang dengan 13,469 hektar (5.0%).

Sabah dan Pahang masing-masing berada dalam lingkungan 12,000 hingga 13,000 hektar, iaitu 4.7 peratus dan 4.6 peratus daripada jumlah keseluruhan. Terengganu pula mencatat 16,672 hektar (6.2%), manakala


Sarawak mencatatkan 6,471 hektar (2.4%) dan Melaka melaporkan 2,381 hektar (0.9%). Johor menunjukkan keluasan 934 hektar (0.3%) dan Negeri Sembilan merekodkan keluasan paling kecil iaitu 849 hektar (0.3%).

Dapatan ini memperlihatkan bahawa lebih 75 peratus keluasan tanah sawah tertumpu di lima negeri utama — Kedah, Perak, Perlis, Selangor dan Kelantan — sekali gus menegaskan kepentingan kawasan jelapang padi dalam menyokong keselamatan makanan negara.

Seramai 130,564 pegangan pertanian yang mengusahakan tanaman padi di Malaysia pada tahun 2023 melaporkan keluasan bertanam padi di Malaysia berjumlah 546,785 hektar, merangkumi pelbagai negeri dengan tahap penglibatan yang berbeza dalam aktiviti penanaman. Pegangan pertanian individu seramai 130,394 telah bertanam seluas 537,822 hektar, manakala 170 pertubuhan pula menyumbang 8,963 hektar.

Paparan 6

Keluasan Fizikal dan Keluasan Bertanam



Skala Pegangan Pertanian

Negeri **Kedah** muncul sebagai penyumbang utama dengan keluasan bertanam 228,963 hektar, bersamaan 41.9 peratus daripada jumlah nasional. Negeri ini merupakan pusat utama jelapang padi negara dan memainkan peranan penting dalam

kestabilan bekalan beras nasional. Semua daerah di Kedah melaporkan mempunyai kawasan tanaman padi dengan daerah Kubang Pasu didapati sebagai daerah paling dominan dengan keluasan bertanam mencecah 63,944 hektar. Kedudukan ini

menegaskan peranan strategik Kubang Pasu sebagai pusat pengeluaran utama padi di utara Semenanjung Malaysia. Diikuti rapat oleh Kota Setar dengan 57,890 hektar, daerah ini melengkapkan dominasi negeri Kedah dalam sektor penanaman padi negara. Kedua-dua daerah ini sahaja menyumbang lebih 20 peratus daripada keseluruhan keluasan bertanam padi negara.

Perak berada di kedudukan kedua dengan keluasan bertanam 77,221 hektar (14.1%). Daerah Kerian menyumbang keluasan terbesar iaitu 37,986 hektar, mewakili 49.2 peratus daripada keseluruhan negeri, menjadikannya antara penyumbang utama dari wilayah barat laut. Manakala di Kelantan, daerah Pasir Mas, Tumpat, Pasir Puteh, Bachok dan Kota Bharu merupakan kawasan utama penanaman padi yang menyumbang lebih 10,000 hektar.

Kelantan merekodkan 74,843 hektar (13.7%), menandakan penglibatan aktif dalam pengeluaran padi di Pantai Timur. Lima daerah utama menyumbang lebih 90 peratus


keluasan bertanam padi di Kelantan. Pasir Puteh mencatat iaitu 16,244 hektar, mewakili kira-kira 21.7 peratus daripada jumlah keseluruhan negeri. Kota Bharu menunjukkan 16,093 hektar (21.5%), manakala Pasir Mas merekodkan 14,735 hektar (19.7%). Bachok pula menyumbang 11,520 hektar (15.4%), diikuti oleh Tumpat dengan 10,018 hektar (13.4%).

Perlis yang merupakan negeri terkecil di Malaysia mencatatkan keluasan bertanam, 49,377 hektar, menunjukkan kecekapan penggunaan tanah dan potensi tinggi dalam pengeluaran padi.

Negeri lain seperti Selangor (38,707 hektar, 7.1%), Pulau Pinang (22,936 hektar, 4.2%) dan Terengganu (16,616 hektar, 3.0%) turut memainkan peranan penting, walaupun sumbangan mereka lebih kecil berbanding negeri-negeri utama. Pahang dan Sabah masing-masing merekodkan 13,052 hektar (2.4%) dan 12,856 hektar (2.4%), menunjukkan potensi pengembangan di kawasan luar

Carta 2

Keluasan Bertanam Tanaman Padi mengikut Negeri, Malaysia, 2023




jelapang. Sarawak mencatat 6,256 hektar (1.1%), manakala Johor menunjukkan 2,657 hektar (0.5%) dengan daerah Tangkak dan Muar menjadi penyumbang utama. Melaka dan Negeri Sembilan pula masing-masing melaporkan 2,262 hektar (0.4%) dan 1,037 hektar (0.2%), menandakan skala penanaman yang lebih kecil namun tetap relevan dalam konteks pembangunan pertanian tempatan.

Agihan pegangan pertanian di Malaysia menunjukkan tumpuan yang tinggi dalam kategori keluasan bertanam antara 1 hingga kurang 7 hektar. Daripada jumlah keseluruhan 132,064 pegangan, kategori ini mencatatkan 86,036 pegangan, mewakili 65.1 peratus daripada keseluruhan. dengan jumlah keluasan bertanam mencecah 279,768 hektar. Ini menandakan bahawa majoriti pegangan pertanian padi beroperasi dalam skala kecil hingga sederhana, yang lazimnya melibatkan pengeluaran untuk pasaran tempatan dan kegunaan diri.

Carta 3

Agihan Pegangan Pertanian Mengikut



Kategori kurang daripada 1 hektar pula mencatatkan 31,942 pegangan, bersamaan 24.2 peratus, dengan keluasan berjumlah 17,608 hektar. Walaupun berskala kecil, kumpulan ini berpotensi tinggi untuk dimanfaatkan melalui pendekatan intensif dan teknologi bersasar. Analisis ini menunjukkan bahawa lebih 89.3 peratus pegangan pertanian di Malaysia berada dalam kategori kurang daripada 7 hektar.

Dalam kategori 7 hingga 12 hektar, terdapat 10,613 pegangan atau 8.0 peratus daripada jumlah nasional, meliputi kawasan bertanam seluas 99,396 hektar. Pegangan pertanian dalam kategori ini beroperasi dalam skala sederhana dan berpotensi untuk dimobilisasi ke arah pengeluaran komersial yang lebih mampan, terutamanya dengan sokongan mekanisasi dan pengurusan bendang bersepadu.

Kategori melebihi 12 hektar mencatatkan 6,491 pegangan, mewakili 4.9 peratus daripada keseluruhan. Walaupun jumlahnya kecil, kumpulan ini menyumbang secara signifikan kepada keluasan bertanam meliputi seluas 150,013 hektar dan pengeluaran padi negara, menjadikannya sasaran utama dalam strategi peningkatan produktiviti dan eksport.

Negeri yang mencatatkan bilangan pegangan pertanian yang menanam kurang daripada 1 hektar tertinggi ialah Sarawak dengan 13,539 pegangan, namun hanya mempunyai 4,937 hektar keluasan bertanam. Ini bermakna purata keluasan bertanam per pegangan pertanian di Sarawak ialah sekitar 0.36 hektar, menjadikannya negeri dengan peratusan tertinggi pegangan pertanian yang menanam padi di bawah 1 hektar. Kedah, walaupun mencatatkan 7,985 pegangan pertanian dan 5,396 hektar keluasan bertanam, menunjukkan purata keluasan sekitar 0.67 hektar, menandakan penglibatan yang lebih besar dalam pengusahaan berskala sederhana.

Sarawak mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi bagi kategori keluasan tanaman padi yang kecil (kurang 1 hektar)

Negeri seperti Pulau Pinang (2,226 pegangan pertanian, 1,943 hektar), Perlis (1,865 pegangan pertanian, 1,288 hektar), dan Terengganu (1,137 pegangan pertanian, 775 hektar) turut menunjukkan corak yang serupa, dengan purata keluasan bertanam

antara 0.6 hingga 0.7 hektar. Sebaliknya, negeri seperti Johor (395 pegangan pertanian, 235 hektar) dan Selangor (288 pegangan pertanian, 248 hektar) mencatatkan purata keluasan yang lebih tinggi, melebihi 0.8 hektar, menunjukkan penglibatan pegangan pertanian yang mungkin lebih komersial atau berskala besar.

Dalam kategori keluasan antara 1 hingga kurang 7 hektar, Kedah muncul sebagai penyumbang utama, mencatatkan 41,374 pegangan, mewakili hampir separuh daripada jumlah nasional. Negeri ini turut mendominasi dari segi keluasan bertanam dengan 130,356 hektar, menunjukkan kebergantungan tinggi terhadap penanaman padi berskala kecil dan sederhana.

Perlis dan Perak masing-masing mencatatkan lebih 9,900 pegangan, dengan keluasan bertanam melebihi 33,000 hektar dan 36,000 hektar. Ketiga-tiga negeri utara ini menyumbang lebih dua pertiga daripada jumlah pegangan dan keluasan bertanam di Malaysia, memperkukuh kedudukan mereka sebagai pusat utama pengeluaran padi negara.

Pulau Pinang dan Selangor menunjukkan penyertaan sederhana, masing-masing dengan lebih 4,000 pegangan. Selangor dan Pulau Pinang masing-masing merekodkan

5,944 dan 4,383 pegangan pertanian dengan keluasan bertanam 20,647 hektar dan 15,700 hektar.

Kelantan, Terengganu, Pahang dan Sabah mencatatkan bilangan pegangan pertanian antara 1,700 hingga 3,800, dengan keluasan bertanam antara 7,000 hingga 11,000 hektar. Negeri-negeri ini menunjukkan potensi pertumbuhan dalam tanaman padi berskala kecil, namun masih jauh berbanding negeri-negeri utara.

Negeri Sembilan, Melaka dan Johor berada di kelompok paling rendah dari segi bilangan pegangan pertanian dan keluasan bertanam. Negeri Sembilan mencatatkan hanya 124 pegangan dengan keluasan bertanam 281 hektar, manakala Johor dan Melaka masing-masing merekodkan kurang daripada 2,000 hektar. Ini mencerminkan tumpuan yang lebih rendah terhadap penanaman padi dalam kategori ini di selatan Semenanjung.

Di Sarawak, bilangan pegangan pertanian kurang daripada 900, dengan keluasan bertanam di bawah 1,300 hektar. Keadaan ini mencerminkan skala penanaman padi yang kecil.

Kedah juga muncul sebagai penyumbang utama dalam kategori keluasan antara 7 hingga kurang 12 hektar dengan

Paparan 7


Tiga Negeri Teratas Bilangan Pegangan Pertanian Tanaman Padi mengikut Kategori Keluasan Tanaman

<1 hektar



Sarawak
13,538
Kedah
7,982
Sabah
2,955

1-7 hektar



Kedah
41,242
Perak
9,891
Perlis
9,929

7-12 hektar



Kedah
3,989
Perak
2,787
Kelantan
1,238

>12 hektar



Kelantan
2,524
Kedah
2,230
Perak
548

4,004 pegangan, mewakili lebih 37.7 peratus daripada jumlah nasional. Negeri ini turut mencatatkan keluasan bertanam tertinggi iaitu 38,197 hektar, menandakan keupayaan pegangan pertanian di Kedah untuk mengoptimumkan tanah dalam skala sederhana.

Perak berada di kedudukan kedua dengan 2,796 pegangan dan keluasan bertanam mencecah 24,382 hektar. Kedua-dua negeri ini menyumbang lebih 64.0 peratus daripada jumlah keluasan bertanam di Malaysia, memperkukuh peranan mereka sebagai pusat pengeluaran padi berskala sederhana.

Kelantan mencatatkan 1,239 pegangan, dengan keluasan bertanam melebihi 8,000 hektar, diikuti Selangor dengan 913 pegangan pertanian dengan keluasan bertanam 8,554 hektar. Perlis merekodkan 776 pegangan dengan keluasan bertanam 7,985 hektar, mencerminkan penglibatan yang konsisten dalam kategori keluasan ini walaupun dengan saiz negeri yang lebih kecil.

Pulau Pinang dan Terengganu masing-masing mencatatkan lebih 200 pegangan, dengan keluasan bertanam antara 2,000 hingga 2,800 hektar. Pahang juga menyumbang dalam kategori ini dengan 97 pegangan pertanian dengan keluasan bertanam 936 hektar.

Johor, Sabah dan Melaka pula berada dalam kelompok penyertaan rendah, dengan bilangan pegangan pertanian di bawah 200 dan keluasan bertanam tidak melebihi 1,600 hektar.

Sarawak mencatatkan hanya satu pegangan pertanian dengan keluasan bertanam 11 hektar, menunjukkan keterbatasan aktiviti penanaman padi dalam kategori ini di negeri tersebut. Negeri Sembilan tidak merekodkan sebarang data dalam kategori ini,

menandakan tiada pegangan pertanian yang menanam padi dalam kategori keluasan bertanam 7 hingga kurang 12 hektar.

Kelantan dan Kedah muncul sebagai penyumbang utama bagi kategori keluasan melebihi 12 hektar, masing-masing mencatatkan lebih 2,200 pegangan. Kelantan mendahului dari segi keluasan bertanam dengan 55,497 hektar, manakala Kedah mencatatkan 55,014 hektar. Kedua-dua negeri ini menyumbang lebih dua pertiga daripada jumlah keluasan bertanam di Malaysia, menandakan keupayaan pegangan pertanian tempatan dalam mengurus tanah berskala besar secara produktif.

Penanaman padi melebihi 12 hektar tertumpu di Kelantan dan Kedah

Perak berada di kedudukan ketiga dengan 560 pegangan dan keluasan bertanam mencecah 15,264 hektar. Walaupun bilangan pegangan pertanian jauh lebih rendah berbanding Kelantan dan Kedah, keluasan bertanam yang direkodkan menunjukkan tahap intensiti dan keberkesanan penggunaan tanah yang tinggi.

Selangor dan Perlis masing-masing mencatatkan 527 dan 262 pegangan, dengan keluasan bertanam melebihi 9,000 dan 6,400 hektar. Kedua-dua negeri ini menunjukkan penyertaan aktif dalam kategori berskala besar, meskipun tidak setara dengan negeri-negeri utama di utara.

Pahang, Pulau Pinang dan Terengganu menunjukkan penyertaan sederhana. Pahang merekodkan 33 pegangan dengan keluasan bertanam 930 hektar, manakala Terengganu dan Pulau Pinang masing-masing mencatatkan keluasan bertanam sekitar 1,607 hingga 3,206 hektar.

Negeri Sembilan, Melaka dan Johor berada di kelompok rendah dari segi bilangan pegangan pertanian dan keluasan bertanam. Negeri Sembilan mencatatkan 19 pegangan dengan 726 hektar, Melaka 16 pegangan dengan 970 hektar, dan Johor hanya sembilan pegangan dengan keluasan bertanam 248 hektar. Ini menunjukkan bahawa penanaman padi berskala besar kurang menjadi tumpuan di negeri-negeri selatan Semenanjung.

Sabah dan Sarawak mencatatkan bilangan pegangan pertanian yang sangat rendah, masing-masing dengan 42 dan 4 pegangan. Keluasan bertanam di Sabah direkodkan pada 752 hektar, manakala Sarawak hanya 105 hektar. Data ini mencerminkan keterbatasan aktiviti penanaman padi berskala besar di wilayah Borneo, berkemungkinan disebabkan oleh faktor geografi, guna tanah atau keutamaan terhadap tanaman lain.

SAWAH SUBUR, NEGARA MAKMUR: KELUASAN TUAIAN DAN SUMBANGAN PENGELUARAN PADI

Malaysia mencatatkan jumlah keseluruhan keluasan tuaian padi berjumlah 519,670 hektar dengan kuantiti pengeluaran mencecah 2.30 juta tan metrik, disokong oleh penggunaan 75,127 unit jentera, 61,407 unit kenderaan bermotor dan 26,399 unit dron

yang mencerminkan tahap mekanisasi yang semakin meluas dalam tanaman padi. Pegangan pertanian individu menyumbang 98.3 peratus daripada keseluruhan keluasan bertuai dengan menghasilkan 2.26 juta tan metrik pengeluaran padi.

Penglibatan Meluas Pegangan Pertanian dalam Ekosistem Pengeluaran Padi Negara

Kedah merupakan penyumbang utama dengan keluasan tuaian tertinggi dengan 227,797 hektar, menyumbang hampir 43.8 peratus daripada keseluruhan keluasan nasional. Pegangan pertanian pertubuhan melaporkan keluasan bertuai hanya 3,831 hektar. Negeri ini juga mencatatkan pengeluaran tertinggi dengan 947,621 tan metrik, iaitu 41.1 peratus daripada jumlah pengeluaran negara. Sumbangan pengeluaran padi bagi pegangan pertanian pertubuhan di Kedah hanya 1.6 peratus. Pegangan pertanian di Kedah turut merekodkan penggunaan jentera, kenderaan bermotor dan dron dengan masing-masing mencatatkan 29,522, 27,525 dan 16,044 unit. Dominasi Kedah dalam aspek keluasan, hasil dan teknologi menunjukkan tahap kecekapan dan kebergantungan tinggi terhadap mekanisasi moden.

Tiga daerah utama di Kedah — Kubang Pasu, Kota Setar dan Pendang — menyumbang lebih separuh daripada keluasan bertuai dan pengeluaran negeri, memperkukuh


Kedah, Perak dan Kelantan merupakan tulang belakang pengeluaran padi negara.

kedudukan Kedah sebagai negeri jelapang padi negara. **Kubang Pasu** mencatatkan keluasan bertuai tertinggi iaitu 63,931 hektar, dengan pengeluaran mencapai 285,634 tan metrik. Majoriti pegangan pertanian individu (97.0%) menyumbang kepada keluasan bertuai di Kubang Pasu ini. Daerah ini menunjukkan kecekapan tinggi dalam pengurusan tanah dan hasil, menjadikannya penyumbang utama kepada pengeluaran negeri.

Kota Setar berada di kedudukan kedua dengan 57,265 hektar bertuai dan pengeluaran 235,319 tan metrik. Walaupun keluasan bertuai sedikit rendah berbanding Kubang Pasu, pengeluaran yang agak setara menunjukkan tahap produktiviti yang seimbang. **Pendang** pula merekodkan 36,112 hektar bertuai dan pengeluaran

Carta 4

Penggunaan Mekanisasi mengikut Negeri, Malaysia, 2023



142,470 tan metrik, menjadikannya antara daerah yang paling aktif dalam penanaman padi berskala besar.


Yan turut menunjukkan prestasi kukuh dengan keluasan bertuai 31,906 hektar dan pengeluaran 131,222 tan metrik, manakala Padang Terap mencatatkan 7,136 hektar dan 30,100 tan metrik. Kedua-dua daerah ini memperkukuh sumbangan wilayah tengah dan utara Kedah terhadap keseluruhan pengeluaran negeri. Daerah seperti Pokok Sena, Kuala Muda dan Langkawi masing-masing mencatatkan keluasan bertuai antara 3,900 hingga 11,300 hektar, dengan pengeluaran antara 15,000 hingga 47,000 tan metrik. Walaupun skala penanaman lebih kecil, sumbangan mereka tetap signifikan dalam konteks pengeluaran tempatan. Daerah Baling, Bandar Baharu, Kulim dan Sik menunjukkan keluasan bertuai di bawah 2,000 hektar, dengan pengeluaran tidak melebihi 8,000 tan metrik.

Perak berada di kedudukan kedua dengan keluasan tuaian 77,207 hektar dan pengeluaran 301,382 tan metrik, menyumbang kira-kira 14.9 peratus daripada keluasan dan 13.1 peratus daripada pengeluaran nasional. Pegangan pertanian di Perak menggunakan 7,540 unit jentera, 6,174 kenderaan bermotor dan 2,021 unit dron menunjukkan tahap adaptasi teknologi yang progresif, walaupun masih jauh berbanding Kedah.

Daerah seperti **Kerian** menjadi pemacu utama kepada prestasi negeri ini. Kerian mencatatkan keluasan bertuai tertinggi iaitu 37,981 hektar, mewakili hampir separuh daripada keseluruhan negeri. Kuantiti pengeluaran di daerah ini mencapai 127,634 tan metrik, menjadikannya penyumbang utama kepada pengeluaran padi Perak. **Perak Tengah** berada di kedudukan kedua dengan keluasan bertuai 23,005 hektar dan pengeluaran mencecah 86,625 tan metrik.

Carta 5

Hubungan antara Keluasan Tuaian dengan Pengeluaran Padi mengikut Negeri, Malaysia, 2023



Walaupun keluasan bertuai lebih rendah berbanding Kerian, tahap produktiviti yang tinggi menunjukkan kecekapan pengurusan tanah dan amalan agronomi yang mantap. **Hilir Perak** pula merekodkan 14,238 hektar keluasan bertuai dengan pengeluaran 79,325 tan metrik. Daripada keluasan bertuai tanaman padi tiga daerah utama ini — Kerian, Perak Tengah dan Hilir Perak — menyumbang lebih 95 peratus keluasan bertuai dan pengeluaran negeri, memperkukuh kedudukan mereka sebagai pusat pengeluaran padi berskala besar di Perak.

Daerah-daerah lain seperti Kuala Kangsar, Larut Matang dan Kinta mencatatkan keluasan bertuai di bawah 1,000 hektar, dengan pengeluaran tidak melebihi 4,000 tan metrik. Ini menandakan tumpuan yang lebih rendah terhadap penanaman padi, berkemungkinan disebabkan oleh faktor guna tanah, keutamaan tanaman lain atau kekangan sumber.

Daerah seperti Batang Padang, Hulu Perak, Kampar, Muallim, Bagan Datuk dan Selama menunjukkan keluasan bertuai yang sangat kecil, masing-masing di bawah 200 hektar. Pengeluaran di daerah-daerah ini kekal rendah, mencerminkan peranan mereka yang lebih bersifat sokongan

Secara keseluruhan, analisis ini memperlihatkan bahawa penanaman padi berskala besar di Perak tertumpu di tiga

daerah utama, manakala daerah lain memainkan peranan yang lebih terhad.

Kelantan mencatat keluasan tuaian 60,662 hektar dan pengeluaran 264,713 tan metrik, menjadikannya antara negeri yang menunjukkan kecekapan hasil per hektar yang tinggi. Sumbangan negeri ini adalah sekitar 11.7 peratus dari segi keluasan dan 11.5 peratus dari segi pengeluaran. Prestasi negeri ini disumbangkan oleh penggunaan jentera yang direkodkan pada 4,543 unit, kenderaan bermotor 3,015 unit dan dron melebihi 900 unit.

Daripada keseluruhan keluasan bertuai tanaman padi di Kelantan, tiga jajahan menunjukkan penglibatan paling ketara. **Kota Bharu** mencatat keluasan bertuai 13,197 hektar, menyumbang 21.8 peratus kepada jumlah negeri dan menghasilkan 66,075 tan metrik padi. **Pasir Puteh** pula merekodkan 13,142 hektar, bersamaan 21.7 peratus daripada keluasan negeri, dengan pengeluaran mencecah 58,732 tan metrik. **Pasir Mas** berada di kedudukan ketiga dengan 11,882 hektar bertuai, mewakili 19.6 peratus daripada jumlah negeri dan menghasilkan 50,505 tan metrik. Ketiga-tiga jajahan ini secara kolektif merangkumi lebih 63 peratus daripada keluasan bertuai Kelantan.

Perlis, walaupun bersaiz kecil, menunjukkan prestasi luar biasa dengan keluasan tuaian

Paparan 8

Tiga Negeri Teratas Bagi Keluasan Tuaian dan Kuantiti Pengeluaran

Keluasan Bertuai (hektar)

Kedah
227,797

Perak
77,207

Kelantan
60,662

Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik)

Kedah
947,621

Perak
301,382

Kelantan
264,713

44,942 hektar dan pengeluaran 186,573 tan metrik. Ini mewakili 8.6 peratus keluasan dan 8.1 peratus pengeluaran negara, Pegangan pertanian di Perlis turut merekodkan penggunaan jentera, kenderaan bermotor dan dron masing-masing 8,122, 7,209 dan 3,062 unit, menjadikan negeri ini antara yang paling efisien dari segi nisbah teknologi kepada keluasan dan hasil.

Perlis dan Selangor menunjukkan kecekapan tinggi dari segi hasil per hektar.

Selangor pula menyumbang 38,426 hektar keluasan tuaian dan 246,405 tan metrik pengeluaran, iaitu sekitar 7.4 peratus dan 10.7 peratus masing-masing. Penggunaan kenderaan bermotor dilaporkan 6,377 unit, jentera 2,597 unit dan dron 911 unit menandakan tahap mekanisasi yang tinggi, selari dengan hasil per hektar tertinggi yang direkodkan serta mencerminkan keberkesanan sistem sokongan dan pengurusan bendang.

Taburan tanaman padi memperlihatkan bahawa pengeluaran padi di Selangor bersifat terpusat, dengan penglibatan aktif petani di Sabak Bernam dan Kuala Selangor. Daripada jumlah keseluruhan keluasan bertuai tanaman padi di negeri Selangor, Sabak Bernam mencatat 26,848 hektar, mewakili 69.9 peratus daripada keluasan negeri dan menghasilkan 152,873 tan metrik padi. Kuala Selangor pula merekodkan 11,578 hektar, bersamaan 30.1 peratus daripada jumlah negeri, dengan pengeluaran mencecah 93,532 tan metrik. Kedua-dua daerah ini secara menyeluruh merangkumi seluruh aktiviti penanaman padi di Selangor, memperlihatkan corak pengeluaran yang tertumpu dan konsisten di kawasan berkenaan.

Pulau Pinang yang melaporkan penggunaan 2,517 jentera, 22,441 kenderaan bermotor dan 512 dron telah mencatat 22,598 hektar keluasan tuaian dan 134,255 tan metrik pengeluaran, manakala Pahang menyumbang

12,690 hektar dan 55,650 tan metrik. Kedua-dua negeri ini menunjukkan sumbangan sederhana tetapi stabil dalam pengeluaran padi.

Sabah dan Terengganu masing-masing menyumbang sekitar 12,000 hektar keluasan tuaian dengan pengeluaran antara 58,000 hingga 75,000 tan metrik, menunjukkan potensi untuk diperkasa melalui program pembangunan agromakanan. Kedua-dua negeri ini turut melaporkan penggunaan jentera melebihi 3000 unit. Terengganu merekodkan penggunaan 955 unit dron, manakala Sabah, hanya 118 dron.

Sarawak, walaupun luas dari segi geografi, hanya mencatat 6,156 hektar keluasan tuaian dan 11,991 tan metrik pengeluaran, menandakan ruang besar untuk pembangunan tanaman padi di negeri tersebut. Sarawak turut melaporkan penggunaan jentera yang tinggi dengan 12,049 unit, manakala penggunaan kenderaan bermotor 3,569 unit dan dron 1,487 unit.

Negeri-negeri seperti Johor, Melaka, dan Negeri Sembilan mencatat keluasan tuaian dan pengeluaran yang sangat rendah (kurang daripada 3,000 hektar dan 10,000 tan metrik), menunjukkan bahawa penanaman padi bukan sektor utama di wilayah selatan Semenanjung. Penggunaan jentera, kenderaan bermotor dan dron kekal rendah, masing-masing di bawah 550, 400 dan 170 unit, menandakan tahap mekanisasi yang terhad dan skala pengeluaran yang kecil.

Secara keseluruhan, analisis ini memperlihatkan bahawa sumbangan negeri terhadap pengeluaran padi dan penggunaan teknologi tidak seimbang. Kedah, Perak dan Perlis mendominasi dari segi keluasan, hasil dan adaptasi mekanisasi, manakala negeri-negeri lain menunjukkan potensi berbeza bergantung kepada keupayaan tanah, sokongan infrastruktur dan strategi pembangunan agroteknologi.

SAWAH BERNILAI: DARI BENDANG KE PASARAN

Pegangan pertanian tanaman padi di Malaysia mencatatkan kuantiti jualan padi berjumlah 1.99 juta tan metrik pada tahun 2023 dengan nilai keseluruhan RM2.79 bilion hasil daripada sumbangan pegangan pertanian individu dan

pertubuhan. Daripada jumlah ini, pegangan individu menyumbang 1.94 juta tan metrik (97.9%), manakala pertubuhan hanya menyumbang sekitar 41,000 tan metrik (2.1%).

Corak Kuantiti Jualan dan Jualan Padi di Malaysia

Kedah mencatatkan kuantiti jualan padi berjumlah 766,651 tan metrik pada tahun 2023, bersamaan 38.6 peratus daripada jumlah nasional, dengan sumbangan yang berbeza mengikut daerah. **Kubang Pasu** menyumbang 234,151 tan metrik, mewakili 30.5 peratus daripada jumlah negeri, diikuti oleh **Kota Setar** dengan 194,829 tan metrik (25.4%). **Pendang** dan **Yan** masing-masing mencatat lebih 110,000 tan metrik, menjadikan


Kedah menyumbang 39.0% daripada jumlah jualan nasional

keempat-empat daerah ini sebagai penyumbang utama kepada jualan padi negeri. Daerah seperti Kuala Muda (35,944 tan), Pokok Sena (29,924 tan) dan Padang Terap (20,447 tan) menunjukkan penglibatan berskala sederhana, manakala Langkawi, Sik, Kulim, Bandar Baharu dan Baling mencatat jualan antara 3,500 hingga 13,600 tan metrik.

Dari segi nilai jualan, Kedah merekodkan RM1.09 bilion, dengan purata hasil RM1,420 per tan metrik. Kubang Pasu menyumbang RM329.2 juta, Kota Setar RM274.1 juta, manakala Pendang dan Yan masing-masing melepasi RM150 juta. Purata hasil di daerah-daerah utama seperti Kubang Pasu, Kota Setar dan Kuala Muda berada sekitar RM1,406 hingga RM1,407 per tan metrik, menunjukkan konsistensi dalam nilai pasaran. Daerah seperti Sik (RM1,520), Langkawi (RM1,477) dan Bandar Baharu (RM1,468) mencatat purata hasil yang lebih

Paparan 9

Tiga Negeri Teratas bagi Nilai Jualan




tinggi, menandakan potensi nilai tambah walaupun kuantiti jualan lebih rendah.

Sudut prestasi jualan padi di **Perak** memperlihatkan pola agihan yang lebih tersebar berbanding negeri-negeri lain, dengan jumlah keseluruhan 266,690 tan metrik bernilai RM389.3 juta dengan purata hasil RM1,460 per tan metrik pada tahun 2023, antara yang tertinggi di negara ini. Pengeluaran negeri ini dipacu oleh tiga daerah utama iaitu Kerian, Perak Tengah dan Hilir Perak. **Kerian** menyumbang 110,889 tan metrik atau lebih 40 peratus daripada jumlah negeri dengan nilai RM152.4 juta, manakala **Perak Tengah** merekodkan 74,657 tan metrik bernilai RM119.4 juta dan **Hilir Perak** pula mencatat 74,971 tan metrik dengan nilai RM109.2 juta. Ketiga-tiga daerah ini membentuk teras pengeluaran padi Perak,

KOTAK 2: PENGELUARAN PADI BASAH

Pengeluaran padi yang direkodkan dalam Banci Pertanian 2024 merujuk kepada padi basah iaitu hasil padi yang baru dituai dan masih mempunyai kadar kelembapan yang tinggi. Pada tahap ini, padi belum menjalani proses pemutuan dan berada dalam bentuk paling asas sebelum memasuki rantai pemprosesan. Selepas dituai, padi basah melalui proses pengeringan bagi menurunkan kadar kelembapan. Proses pengeringan memainkan peranan besar dalam meningkatkan ketahanan padi, mengurangkan risiko kerosakan dan memastikan mutu padi yang lebih konsisten. Hasil pengeringan menghasilkan padi kering yang lebih stabil dan bersedia untuk diproses menjadi beras.




Kuantiti pengeluaran padi yang direkodkan dalam Banci Pertanian 2024 merangkumi empat komponen utama, iaitu untuk keperluan sendiri, pemprosesan, jualan serta kerugian. Analisis pengeluaran mengikut negeri memperlihatkan corak yang berbeza. Negeri Kedah, Perak dan Selangor menumpukan sebahagian besar hasil mereka untuk jualan menunjukkan tahap pengkomersialan yang tinggi dan infrastruktur pengairan yang baik. Sebaliknya, Sarawak menonjol berbeza daripada negeri lain. Majoriti pengeluaran adalah untuk kegunaan sendiri. Ini menekankan peranan padi sebagai sumber makanan asas bagi komuniti pesawah, khususnya di kawasan pedalaman, di mana penyimpanan hasil adalah lebih penting daripada penjualan untuk pendapatan.

Secara keseluruhan, corak pengeluaran padi di Malaysia mencerminkan kepelbagaian struktur pengeluaran, amalan budaya kerja pesawah, dan tahap pengkomersialan. Pemahaman mendalam terhadap perbezaan negeri ini penting untuk merangka dasar yang dapat meningkatkan kecekapan, mengurangkan kerugian, dan memperkuat rantai nilai padi negara. Khususnya, kebergantungan Sarawak terhadap padi untuk guna sendiri memperlihatkan strategi pemeliharaan makanan yang unik dan penting dalam konteks keselamatan makanan negeri tersebut.

Carta 6

Komposisi Kuantiti Jualan kepada Kuantiti Pengeluaran mengikut Negeri, Malaysia, 2023



manakala daerah lain seperti Kuala Kangsar, Larut Matang dan Kinta menunjukkan penglibatan berskala kecil tetapi tetap signifikan dalam konteks tempatan.

Perak Tengah menonjol dengan nilai RM119.4 juta dan purata RM1,599 per tan metrik, manakala Hilir Perak merekodkan RM109.2 juta dengan purata RM1,456 per tan metrik. Kerian pula, walaupun menyumbang kuantiti tertinggi, mencatat purata hasil RM1,374 per tan metrik — sedikit rendah berbanding daerah lain, menunjukkan kemungkinan perbezaan dari segi kualiti hasil atau struktur pasaran. Hulu Perak, walaupun hanya mencatat 62 tan metrik, merekodkan purata tertinggi di negeri ini iaitu RM1,674 per tan metrik, menandakan potensi nilai dalam pengeluaran berskala kecil.

Prestasi jualan padi di **Kelantan** memperlihatkan tumpuan pengeluaran yang berpaksikan kepada lima daerah utama. Daripada jumlah keseluruhan 247,830 tan metrik pada tahun 2023, **Kota Bharu** menyumbang 60,173 tan metrik dengan nilai RM73.99 juta, diikuti oleh **Pasir Puteh** (57,300 tan; RM70.15 juta), **Bachok** (36,180 tan; RM47.10 juta), Pasir Mas (48,099 tan; RM58.53 juta), dan Tumpat

(25,813 tan; RM31.70 juta). Kelima-lima daerah ini menyumbang lebih 90 peratus daripada jumlah negeri, menunjukkan pola pengeluaran yang tertumpu di kawasan pantai dan lembah subur. Daerah lain seperti Machang (18,288 tan; RM22.58 juta) turut menyumbang secara aktif, manakala Tanah Merah, Gua Musang, Kuala Krai dan Jeli mencatat jualan di bawah 1,500 tan metrik, namun tetap relevan dalam konteks pengeluaran tempatan.

Kelantan merekodkan nilai jualan keseluruhan RM306.6 juta dengan purata hasil RM1,237 per tan metrik. Bachok mencatat purata tertinggi di negeri ini iaitu RM1,302 per tan metrik, diikuti oleh Tanah Merah (RM1,296), Gua Musang (RM1,293) dan Kuala Krai (RM1,260). Walaupun kuantiti jualan di daerah-daerah ini lebih rendah, nilai per unit menunjukkan potensi untuk pengeluaran bersasar dan berimpak tinggi. Kota Bharu dan Pasir Puteh, sebagai penyumbang utama, masing-masing mencatat purata RM1,230 dan RM1,224 per tan metrik, sejajar dengan skala pengeluaran yang besar dan pasaran yang aktif.

Selangor menyumbang lebih 12 peratus daripada jumlah kuantiti jualan padi negara (244,901 tan) dan hampir 14 peratus daripada

nilai keseluruhan (RM394.5 juta) dengan purata RM1,611 per tan metrik pada tahun 2023, menjadikannya negeri paling efisien dari segi nilai per unit. Selangor memperlihatkan prestasi jualan padi yang tertumpu kepada dua daerah utama dengan **Sabak Bernam** menyumbang 151,992 tan metrik, manakala **Kuala Selangor** mencatat 92,909 tan metrik, menjadikan kedua-dua daerah ini sebagai pemacu tunggal pengeluaran padi negeri. Dari segi nilai, Sabak Bernam merekodkan RM244.2 juta dan Kuala Selangor RM150.2 juta, menunjukkan keseimbangan antara kuantiti dan hasil. Purata jualan negeri berada pada paras RM1,611 per tan metrik, tertinggi di Malaysia, dengan kedua-dua daerah mencatat purata yang hampir seragam — RM1,607 di Sabak Bernam dan RM1,617 di Kuala Selangor. Keupayaan ini mencerminkan struktur pasaran yang mantap dan kecekapan pengurusan bendang di kawasan jelapang barat.

Kecekapan pasaran tinggi di Selangor

Perlis dan Pulau Pinang turut menunjukkan prestasi jualan yang kukuh dengan Perlis menyumbang 162,843 tan metrik dengan nilai RM222.2 juta, manakala Pulau Pinang mencatat 118,306 tan metrik dengan nilai RM159.8 juta. Purata nilai jualan di kedua-dua negeri dilaporkan sekitar RM1,360 per tan metrik. Terengganu melaporkan 84,166 tan metrik dengan nilai RM85.3 juta, purata RM1,013 per tan metrik, sementara Pahang dan Sabah masing-masing mencatat lebih 45,000 tan metrik dengan nilai antara RM56 juta hingga RM74.6 juta.

Negeri-negeri lain seperti Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Sarawak menunjukkan pengeluaran lebih kecil, dengan kuantiti di bawah 10,000 tan metrik dan nilai jualan berada antara RM5.5 juta hingga RM9.6 juta. Purata hasil mereka berada antara RM1,197 hingga RM1,312 per tan metrik, menandakan potensi untuk penambahbaikan dari segi kualiti dan pasaran.

Dari segi kecekapan penyaluran hasil ke pasaran, Selangor mencatat kadar tertinggi dengan 99.3 peratus daripada pengeluaran dijual (94,160 tan metrik daripada 94,801 tan). Melaka, Kelantan dan Negeri Sembilan turut menunjukkan prestasi cemerlang, masing-masing melebihi 90 peratus kadar penyaluran. Pulau Pinang, Perlis dan Perak mencatat kadar antara 87 peratus hingga 88 peratus, manakala Terengganu dan Kedah berada pada paras stabil iaitu 84.7 peratus dan 81.4 peratus.

Sebaliknya, Johor (68.9%), Pahang (74.9%), Sabah (78.4%) dan Sarawak (35.7%) mencatat kadar penyaluran yang lebih rendah, menandakan wujudnya ruang untuk penambahbaikan dari segi pengurusan hasil dan akses pasaran. Secara keseluruhan, Malaysia merekodkan pengeluaran padi berjumlah 1.08 juta tan metrik, dengan jualan mencecah 926,917 tan metrik, bersamaan 85.7 peratus daripada jumlah pengeluaran.

Analisis ini memperlihatkan bahawa pengeluaran dan jualan padi tertumpu di negeri-negeri utara Semenanjung, khususnya Kedah dan Perak, dengan Selangor menonjol dari segi kecekapan pasaran.

MENGIRA SETIAP SEN: REALITI EKONOMI PETANI PADI MALAYSIA

Pendapatan pegangan pertanian bagi tanaman padi pada tahun 2023 mencerminkan dominasi jelas oleh pegangan pertanian individu dalam landskap pengeluaran negara. Daripada jumlah keseluruhan pendapatan Malaysia yang berjumlah RM3.84 bilion, pegangan individu

menyumbang RM3.73 bilion, mewakili 97 peratus daripada keseluruhan. Angka ini memperlihatkan bahawa aktiviti penanaman padi masih dijalankan secara meluas oleh petani kecil dan keluarga tani, berbanding pertubuhan atau entiti korporat yang hanya menyumbang 3 peratus.

Aliran Pendapatan dan Perbelanjaan


Prestasi pendapatan pegangan pertanian tanaman padi menunjukkan ketidakseimbangan yang ketara antara negeri, mencerminkan perbezaan struktur pengeluaran dan keupayaan agronomi di seluruh negara. **Kedah** muncul sebagai penyumbang utama dengan nilai pendapatan mencecah RM1.60 bilion, menyumbang 42.0 peratus daripada jumlah keseluruhan Malaysia. Negeri ini jelas menjadi tunjang kepada tanaman padi negara, berikutan keluasan sawah yang meluas dan penglibatan aktif petani dalam pengeluaran berskala besar.

Sumbangan pendapatan pegangan pertanian tanaman padi di negeri Kedah menunjukkan tumpuan yang tinggi di beberapa daerah utama, mencerminkan kepelbagaian kapasiti pengeluaran dan keupayaan tanah sawah. **Kubang Pasu** mencatat nilai pendapatan

RM478.0 juta menyumbang 30.0 peratus daripada keseluruhan pendapatan negeri. Pegangan pertanian individu melaporkan pendapatan bernilai RM462.3 juta (96.7% daripada nilai pendapatan Kubang Pasu). **Kota Setar** pula menyumbang RM415.9 juta, bersamaan 26.1 peratus, menjadikannya antara daerah yang turut memainkan peranan penting dalam jualan padi negeri. **Yan** dan **Pendang** turut menunjukkan prestasi yang kukuh, masing-masing dengan RM242.5 juta (15.2%) dan RM230.3 juta (14.4%), memperkukuh kedudukan mereka sebagai pusat jualan yang aktif. Keempat-empat daerah ini menyumbang lebih 85 peratus daripada pendapatan negeri, menandakan keaktifan jualan padi yang tertumpu di kawasan berdaya saing tinggi dari segi tanah sawah dan sokongan infrastruktur.

Carta 7

Pendapatan dan Perbelanjaan Pegangan Pertanian mengikut Negeri, Malaysia, 2023



Daerah-daerah lain seperti Kuala Muda dan Pokok Sena mencatat RM70.4 juta (4.4%) dan RM61.6 juta (3.9%) secara relatif, manakala Padang Terap menyumbang RM38.4 juta atau 2.4 peratus. Langkawi, walaupun bukan kawasan utama pengeluaran padi, tetap menyumbang RM22.2 juta (1.4%), menunjukkan penglibatan yang berterusan dalam sektor ini. Baling, Bandar Baharu, Kulim dan Sik masing-masing mencatat nilai antara RM6.9 juta hingga RM11.0 juta, dengan sumbangan individu di bawah satu peratus.

Sumbangan pendapatan pegangan pertanian tanaman padi di negeri **Selangor** menunjukkan pola yang tertumpu kepada dua daerah utama. **Sabak Bernam** mencatat nilai pendapatan RM328.3 juta, mewakili 64.8 peratus daripada jumlah keseluruhan negeri yang berjumlah RM506.5 juta. **Kuala Selangor** pula menyumbang RM178.3 juta, bersamaan 35.2 peratus. Gabungan kedua-dua daerah ini membentuk keseluruhan pendapatan negeri yang mewakili 13.6 peratus daripada keseluruhan Malaysia, menandakan bahawa aktiviti penanaman padi di Selangor dijalankan secara intensif di kawasan yang memiliki tanah sawah yang luas dan sistem pengairan yang mantap.

Sumbangan pendapatan pegangan pertanian tanaman padi di negeri **Perak** memperlihatkan **tumpuan** yang jelas kepada tiga daerah utama. Kerian mencatat RM194.1 juta, mewakili 38.7 peratus daripada jumlah keseluruhan negeri yang berjumlah RM501.1 juta. **Perak Tengah** menyumbang RM167.7 juta, bersamaan 33.5 peratus, manakala **Hilir Perak** mencatat RM127.8 juta, iaitu 25.5 peratus. Ketiga-tiga daerah ini menyumbang lebih 97.0 peratus daripada keseluruhan pendapatan negeri Perak menunjukkan tumpuan jualan padi yang tinggi di kawasan yang memiliki tanah sawah yang luas dan sistem pengairan yang mantap.

Daerah lain seperti Kuala Kangsar dan Larut Matang mencatat RM6.2 juta (1.2%) dan RM2.7 juta (0.5%) secara relatif, manakala Kinta,

Hulu Perak dan Manjung masing-masing berada di bawah RM1 juta, dengan sumbangan kurang daripada 0.2 peratus setiap satu. Daerah seperti Batang Padang, Kampar, Muallim, Bagan Datuk dan Selama pula menunjukkan nilai pendapatan di bawah RM1 juta, dengan peratusan sumbangan yang sangat kecil.

Sebaliknya, negeri seperti Johor, Melaka, dan Negeri Sembilan mencatat pendapatan yang jauh lebih rendah, masing-masing di bawah RM15 juta, dengan sumbangan kurang daripada satu peratus. Jurang ini menandakan perbezaan tumpuan ekonomi dan tahap penglibatan dalam sektor tanaman padi. Kelantan dan Perlis, walaupun bersaiz kecil, menunjukkan prestasi yang lebih memberangsangkan dengan sumbangan melebihi lapan peratus, menandakan potensi jualan yang masih boleh diperkasa melalui sokongan dasar dan peningkatan produktiviti.

Keupayaan negeri-negeri menukarkan nilai jualan kepada pendapatan bagi pegangan pertanian tanaman padi menunjukkan pelbagai tahap keberkesanan. Pahang berada di kedudukan paling tinggi dengan 88.6 peratus, menandakan hubungan yang hampir seimbang antara hasil jualan dan pendapatan. Negeri Sembilan mencatat 88.3 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang dengan 84.9 peratus. Kelantan pula merekodkan 84.0 peratus, manakala Selangor dan Perak masing-masing menunjukkan kadar 78.2 dan 77.7 peratus. Melaka berada pada paras 77.4 peratus, manakala Perlis mencatat 71.8 peratus. Sabah dan Terengganu masing-masing menunjukkan 70.3 dan 69.6 peratus, manakala Kedah berada sedikit di bawah dengan 68.2 peratus. Johor mencatat 50.6 peratus, manakala Sarawak menunjukkan jurang paling besar dengan hanya 7.2 peratus.

Dapatan turut menunjukkan bahawa pegangan pertanian individu di Pahang merekodkan peratus sumbangan hasil jualan kepada pendapatan tertinggi dengan 88.7 peratus, diikuti oleh Negeri Sembilan pada 86.8 peratus, manakala Pulau

Pinang dan Kelantan masing-masing mencatat 84.8 dan 84.1 peratus. Perak dan Selangor berada dalam lingkungan 78 peratus, sementara Melaka mencatat 77.3 peratus. Perlis, Sabah dan Terengganu menunjukkan kadar antara 69 hingga 72 peratus, manakala Kedah berada pada 68.4 peratus. Johor merekodkan 49.4 peratus, manakala Sarawak berada pada paras paling rendah dengan 8.7 peratus.

Prestasi pegangan pertanian yang dikendalikan oleh pertubuhan menunjukkan **Negeri Sembilan** mencatat peratusan tertinggi pada paras 99.8 peratus, menunjukkan hampir keseluruhan pendapatan pertubuhan diperoleh daripada aktiviti jualan. **Melaka** berada di kedudukan kedua dengan 97.0 peratus, manakala **Perak** dan Pulau Pinang masing-masing merekodkan 79.1 dan 77.3 peratus. Perlis menunjukkan kadar 83.8 peratus, diikuti oleh Johor dengan 75.1 peratus. Kelantan mencatat 68.8 peratus, manakala Pahang dan Kedah masing-masing berada pada paras 63.2 dan 61.1 peratus. Selangor dan Terengganu menunjukkan prestasi yang hampir setara, masing-masing pada 64.3 dan 66.6 peratus. Sabah mencatat

29.7 peratus, manakala Sarawak berada di kedudukan paling rendah dengan hanya 2.4 peratus.

Sumbangan bantuan dan subsidi terhadap jumlah pendapatan pegangan pertanian tanaman padi memperlihatkan corak yang berbeza antara negeri-negeri di Malaysia. Secara keseluruhan, Malaysia mencatatkan 20.8 peratus daripada jumlah pendapatan padi melalui komponen bantuan dan subsidi, menandakan sokongan kerajaan sebagai faktor penting dalam kelangsungan sektor ini.

Di **Terengganu**, kadar 23.1 peratus menunjukkan bahawa sokongan kewangan menjadi tonggak utama dalam pendapatan petani padi, manakala **Kedah** dengan 21.8 peratus memperlihatkan peranan besar bantuan dan subsidi dalam menyokong negeri yang sememangnya terkenal sebagai jelapang padi. **Selangor** (19.3%) dan Johor (18.6%) turut menonjol, membuktikan bahawa walaupun negeri-negeri ini lebih maju, sokongan kewangan tetap relevan dalam menjamin pendapatan petani padi.

KOTAK 3: SUBSIDI DAN BANTUAN

Tanaman padi di Malaysia bukan sahaja dipacu oleh usaha pesawah individu tetapi turut diperkukuh melalui pelbagai mekanisme subsidi dan bantuan kerajaan yang dirancang untuk meningkatkan produktiviti, keselamatan makanan dan kesejahteraan komuniti luar bandar. Inisiatif ini bukan sahaja membantu mengurangkan kos, malah berperanan melindungi pesawah daripada risiko yang berkaitan dengan perubahan iklim, serangan perosak dan turun naik harga pasaran.



Rangkaian subsidi dan bantuan ini membentuk ekosistem sokongan menyeluruh yang memastikan pesawah terus berdaya saing, produktif dan mampu menyumbang secara konsisten kepada kelestarian bekalan beras negara.

Negeri seperti Perak (16.8%), Perlis (14.1%) dan Pulau Pinang (13.6%) pula menunjukkan keseimbangan antara hasil tanaman padi dan sokongan kerajaan, manakala Kelantan (12.2%) memperlihatkan sumbangan sederhana. Di Sabah (8.5%) dan Sarawak (9.2%), bantuan dan subsidi berperanan sebagai pelengkap kepada pendapatan padi, sementara Melaka dan Negeri Sembilan (masing-masing 6.4%) serta Pahang (2.6%) mencatatkan kadar lebih rendah, menandakan bahawa pendapatan padi di negeri-negeri ini lebih banyak bergantung kepada sumber lain.

Dari segi perbelanjaan, jumlah perbelanjaan Malaysia bagi tanaman padi mencecah RM1.6 bilion, dengan kos bahan langsung menyumbang 50.9 peratus daripada jumlah tersebut. Pegangan pertanian individu melaporkan perbelanjaan bernilai RM1.6 bilion (96.4%).


Kedah merekodkan perbelanjaan tertinggi dengan bernilai RM801.0 juta, merangkumi sekitar 49.3 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan negara. Daerah **Kubang Pasu**

mencatat perbelanjaan tertinggi di Kedah dengan RM224.6 juta, menyumbang kira-kira 28.0 peratus kepada keseluruhan negeri. Diikuti oleh **Kota Setar** yang memperuntukkan RM192.8 juta, bersamaan 24.1 peratus daripada jumlah negeri. **Yan** pula berada di kedudukan ketiga dengan RM143.1 juta, mewakili 17.9 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan Kedah. Ketiga-tiga daerah ini secara kolektif merangkumi lebih separuh daripada keseluruhan perbelanjaan negeri, mencerminkan tumpuan strategik terhadap pembangunan tanaman padi di kawasan-kawasan berkenaan.

Perak berada di kedudukan kedua dengan RM187.7 juta (11.5%) dengan **Perak Tengah** memperuntukkan RM78.9 juta, menyumbang kira-kira 42.0 peratus kepada jumlah negeri. **Kerian** pula mencatat RM68.9 juta, mewakili 36.7 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan. **Hilir Perak** menyumbang RM35.3 juta, bersamaan 18.8 peratus daripada jumlah negeri. Ketiga-tiga daerah ini secara kolektif merangkumi lebih 97 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan Perak.

Carta 8

Komposisi Bantuan & Subsidi Kepada Pendapatan mengikut Negeri, Malaysia, 2023




Pegangan pertanian di **Selangor** telah memperuntukkan RM164.6 juta (10.1%) untuk aktiviti penanaman padi dengan daerah **Sabak Bernam** melaporkan RM119.3 juta, mewakili 72.5 peratus daripada jumlah perbelanjaan negeri ini. Manakala, **Kuala Selangor** pula mencatat RM45.3 juta, bersamaan 27.5 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan.

Perlis menyumbang RM134.5 juta, bersamaan 8.3 peratus, manakala Pulau Pinang merekodkan perbelanjaan RM55.2 juta (3.4%). Kelantan dan Terengganu masing-masing mencatat RM112.2 juta dan RM58.5 juta, menyumbang 6.9 peratus dan 3.6 peratus. Pegangan pertanian di negeri-negeri lain seperti Pahang (RM30.1 juta), Sarawak (RM30.5 juta), dan Sabah (RM33.9 juta) menunjukkan sumbangan antara 1.8 peratus hingga 2.1 peratus. Manakala Johor, Melaka, dan Negeri Sembilan pula melaporkan perbelanjaan di bawah RM10 juta setiap satu, dengan sumbangan terkumpul kurang daripada satu peratus.

Kos bahan langsung yang ditanggung oleh pegangan pertanian individu bagi tanaman padi menunjukkan agihan yang berbeza mengikut negeri, mencerminkan variasi skala pengeluaran dan intensiti input. **Kedah** mencatat nilai yang paling tinggi, melepasi RM399.3 juta, menyumbang lebih separuh daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan negara. **Perak** berada dalam lingkungan RM90 juta, manakala **Selangor** dan Perlis masing-masing menunjukkan nilai melebihi RM72 juta dan RM53 juta. Kelantan dan Terengganu masing-masing mencatat lebih RM55 juta dan RM27 juta, diikuti oleh Sabah dan Sarawak dengan nilai sekitar RM26 juta dan RM14 juta. Pulau Pinang menunjukkan RM33 juta, manakala Pahang berada pada paras RM25 juta. Negeri Sembilan, Melaka dan Johor pula mencatat nilai di bawah RM7 juta.

Melaka mencatat peratus sumbangan kos bahan langsung kepada jumlah perbelanjaan pegangan pertanian individu tanaman padi tertinggi dengan 89.8 peratus, menunjukkan hampir keseluruhan



perbelanjaan negeri ini terdiri daripada bahan langsung. **Pahang** dan **Sarawak** masing-masing menunjukkan kadar melebihi 86 peratus, manakala Johor dan Sabah berada dalam lingkungan 83 peratus. Pulau Pinang mencatat 61.9 peratus, diikuti oleh Negeri Sembilan dan Perak yang masing-masing menunjukkan sekitar 54 hingga 55 peratus. Kelantan dan Kedah berada pada paras 50 peratus, manakala Terengganu dan Selangor masing-masing mencatat 47.9 dan 44.3 peratus. Perlis menunjukkan kadar paling rendah iaitu 39.8 peratus.

Perbelanjaan kos bahan langsung bagi pegangan pertanian pertubuhan tanaman padi memperlihatkan taburan yang tidak seragam antara negeri, mencerminkan perbezaan dalam saiz operasi dan strategi pengurusan input yang diamalkan. **Perak** mencatat nilai tertinggi dengan lebih RM6.7 juta, diikuti oleh **Kedah** yang melepasi RM5.3 juta. **Pulau Pinang** menunjukkan RM636.1 ribu, manakala Kelantan dan Pahang masing-masing mencatat RM587.6 ribu dan RM404.2 ribu. Selangor berada pada paras RM362.1 ribu, diikuti oleh Sabah dan Negeri Sembilan dengan nilai sekitar RM351.2 ribu dan RM207.2 ribu. Johor menunjukkan RM303.4 ribu, manakala Melaka dan Terengganu masing-masing mencatat RM47.2 ribu dan RM79.7 ribu. Perlis dan Sarawak berada di hujung senarai dengan nilai RM136 ribu dan RM140 ribu.

Johor mencatat 83.2 peratus sumbangan kos bahan langsung kepada jumlah perbelanjaan, menunjukkan kebergantungan tinggi terhadap input langsung dalam struktur kos. **Melaka** dan **Pahang** masing-masing menunjukkan kadar

KOTAK 4: PENGGUNAAN BAJA DAN RACUN

Pengusahaan padi di Malaysia turut dibantu melalui penggunaan baja dan racun yang tepat untuk meningkatkan hasil dan kualiti tanaman. Menurut Banci Pertanian 2024, pelbagai jenis baja dilaporkan digunakan oleh pesawah, termasuk baja organik dan baja kimia. Baja organik, yang diperoleh daripada sumber semula jadi seperti kompos dan tahi haiwan. Sementara itu, baja kimia yang lebih kaya dengan nutrien makro—nitrogen (N), fosforus (P), dan kalium (K)—digunakan secara meluas oleh pesawah komersial bagi memaksimumkan pengeluaran dan meningkatkan kualiti padi untuk pasaran.

Selain baja, penggunaan racun juga menjadi elemen penting dalam pengurusan tanaman padi. Racun rumpai digunakan untuk mengawal pertumbuhan herba yang boleh menyaingi tanaman padi, manakala racun serangga dan kulat membantu melindungi tanaman daripada serangan perosak dan penyakit. Corak penggunaan racun berbeza mengikut negeri: pesawah di kawasan dengan intensiti pertanian tinggi lebih cenderung menggunakan racun kimia berstruktur moden, manakala pesawah di kawasan pedalaman mengutamakan kaedah kawalan biologi atau racun tradisional bagi mengekalkan keseimbangan ekosistem tanah.



69.2 dan 40.3 peratus, manakala Kelantan dan Pulau Pinang berada dalam lingkungan 46 hingga 48 peratus. Selangor mencatat 55.1 peratus, diikuti oleh Negeri Sembilan dan Kedah dengan kadar sekitar 36 peratus. Terengganu menunjukkan 31.1 peratus, manakala Sabah dan Perlis masing-masing mencatat 22.1 dan 13.5 peratus. Sarawak berada paling rendah dengan hanya satu peratus.

Kos bahan langsung yang ditanggung oleh pegangan pertanian tanaman padi, merangkumi individu dan pertubuhan, menunjukkan pola perbelanjaan yang pelbagai antara negeri. **Kedah** mencatat nilai melebihi RM404.6 juta, menjadikannya penyumbang utama kepada jumlah perbelanjaan negara dalam kategori ini. **Perak** menunjukkan lebih RM97 juta, manakala

Selangor dan Perlis masing-masing melepasi RM72 juta dan RM53 juta. Pulau Pinang berada dalam lingkungan RM33 juta, diikuti oleh Pahang dan Terengganu dengan nilai sekitar RM26 juta dan RM27 juta. Sabah dan Sarawak masing-masing mencatat lebih RM27 juta dan RM14 juta, manakala Kelantan menunjukkan RM56 juta. Negeri-negeri lain seperti Johor, Melaka dan Negeri Sembilan merekodkan nilai antara RM2 juta hingga RM6 juta.

Melaka merekodkan 89.5 peratus bagi peratus sumbangan kos bahan langsung terhadap jumlah perbelanjaan, mencerminkan tahap kebergantungan yang tinggi terhadap input langsung dalam susunan kos pengeluaran. **Pahang** dan **Johor** masing-masing menunjukkan kadar melebihi 83 peratus, manakala Sabah

berada pada paras 81 peratus. Pulau Pinang mencatat 61.5 peratus, diikuti oleh Negeri Sembilan, Perak dan Kedah dengan kadar sekitar 50 hingga 52 peratus. Kelantan dan Sarawak masing-masing menunjukkan 50 dan 48.1 peratus, manakala Terengganu dan Selangor berada dalam lingkungan 44 hingga 47 peratus. Perlis mencatat kadar paling rendah iaitu 39.6 peratus.

Perbandingan ini memperlihatkan bahawa negeri yang aktif dalam pengeluaran padi tidak semestinya menanggung kos bahan langsung yang tinggi secara relatif dan peratusan ini memberi gambaran tentang pendekatan pengurusan input, kecekapan operasi serta keseimbangan antara bahan pengeluaran dan kos lain seperti upah dan logistik.

DUA LANDSKAP, SATU MATLAMAT: KEBERHASILAN PADI JELAPANG DAN LUAR JELAPANG

Tanaman padi di Malaysia diusahakan dalam dua kategori utama iaitu kawasan jelapang dan kawasan luar jelapang. Jelapang merujuk kepada kawasan yang dilengkapi sistem pengairan berpusat serta diurus secara intensif bagi memastikan pengeluaran yang stabil dan

berterusan. Sebaliknya, luar jelapang ialah kawasan sawah yang diusahakan tanpa sokongan penuh infrastruktur pengairan, namun tetap menyumbang kepada bekalan padi negara melalui usaha pesawah kecil dan komuniti setempat.

Dari Jelapang ke Luar Jelapang


Daripada keseluruhan bilangan pegangan pertanian dalam kawasan jelapang di Malaysia, iaitu 86,321 pegangan, negeri **Kedah** mencatat sumbangan tertinggi dengan 53.1 peratus, menandakan kedudukan utamanya sebagai pusat pengeluaran padi negara. **Perak** menyumbang 12.8 peratus, diikuti oleh **Selangor** (8.8%), Perlis (7.7%), dan Pulau Pinang (5.9%), masing-masing menunjukkan penglibatan aktif dalam sistem jelapang. Kelantan (4.2%), Pahang (3.5%), dan Terengganu (1.7%) turut menyumbang dalam skala sederhana, manakala Sabah (1.2%) dan Sarawak (1.0%) berada dalam kategori rendah. Negeri Sembilan, Melaka, dan Johor tidak mempunyai pegangan pertanian tanaman

padi dalam jelapang, mencerminkan struktur pengeluaran yang berbeza di negeri-negeri tersebut.

Bagi luar jelapang, daripada jumlah keseluruhan 44,421 pegangan pertanian, **Sarawak** mencatat sumbangan tertinggi dengan 30.5 peratus, menunjukkan kebergantungan yang tinggi terhadap sistem luar jelapang. **Kedah** menyumbang 18.2 peratus, manakala **Sabah** (12.9%) dan Terengganu (8.4%) turut memainkan peranan penting dalam kategori ini. Perlis menyumbang 14.1 peratus, memperlihatkan keseimbangan antara sistem jelapang dan luar jelapang. Perak (7.3%), Kelantan (4.6%), dan

Carta 9

Taburan Bilangan Pegangan Pertanian Dalam Jelapang dan Luar Jelapang, Malaysia, 2023



Pahang (1.3%) menunjukkan penglibatan berskala kecil, manakala Johor (2.5%), Melaka (1.2%), dan Negeri Sembilan (0.4%) berada dalam kategori paling rendah. Selangor dan Pulau Pinang tidak mencatat sebarang pegangan pertanian luar jelapang, menandakan tumpuan eksklusif kepada sistem jelapang di negeri-negeri tersebut.

Keluasan bertanam tanaman padi di Malaysia memperlihatkan peranan berbeza antara kawasan jelapang dan luar jelapang, dengan sumbangan yang signifikan dari kedua-dua kategori. Daripada jumlah keseluruhan keluasan bertanam tanaman padi di Malaysia, kawasan jelapang menyumbang 74.7 peratus atau 408,322 hektar, manakala luar jelapang mencatat 25.3 peratus bersamaan 138,463 hektar. Ini menunjukkan penumpuan aktiviti penanaman padi yang lebih meluas di kawasan jelapang.

Paparan 11 Komposisi Keluasan bertanam bagi Jelapang dan Luar Jelapang Malaysia, 2023



Dalam jelapang, **Kedah** muncul sebagai negeri utama dengan keluasan bertanam 188,358 hektar, menyumbang 46.1 peratus daripada keseluruhan jelapang negara. **Perak** menyumbang 13.8 peratus dengan 56,179 hektar, diikuti **Kelantan** dan Selangor masing-masing mencatat 12.4 peratus dan 9.5 peratus. Manakala Perlis merekodkan sumbangan 7.3 peratus melalui 29,958 hektar dan Pulau Pinang pula menyumbang 5.6 peratus. Negeri lain seperti Pahang, Terengganu, Sabah dan Sarawak menunjukkan sumbangan yang lebih kecil, di bawah tiga peratus setiap satu. Negeri Sembilan, Melaka dan Johor tidak mempunyai rekod keluasan bertanam dalam jelapang.


Bagi luar jelapang, **Kedah** juga menunjukkan penglibatan aktif dengan 40,606 hektar, menyumbang 29.3 peratus daripada jumlah luar jelapang. **Kelantan** mencatat 24,129 hektar (17.4%), **Perlis** 19,419 hektar (14.0%), dan Perak 21,042 hektar (15.2%). Terengganu, Sabah dan Sarawak masing-masing menyumbang antara 5 hingga 7 peratus, manakala Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang berada di bawah tiga peratus setiap satu.

Keluasan bertuai tanaman padi dalam jelapang yang berjumlah 391,619 hektar mewakili 75.4 peratus daripada keseluruhan keluasan negara. Ini menunjukkan kebergantungan yang tinggi terhadap jelapang sebagai pusat utama pengeluaran padi nasional. Daripada jumlah keseluruhan keluasan bertuai tanaman padi dalam jelapang, **Kedah** mencatat keluasan bertuai tertinggi dalam jelapang dengan 187,213 hektar, mewakili 47.8 peratus daripada keluasan jelapang negara dan menghasilkan 789,444 tan metrik padi, bersamaan 44.5% daripada jumlah pengeluaran. **Perak** pula menyumbang 14.3 peratus kepada keluasan bertuai dengan 56,170 hektar dan 12.5 peratus kepada pengeluaran melalui 221,826 tan metrik. **Selangor** merekodkan 38,426 hektar bertuai dan 246,405 tan metrik pengeluaran, masing-masing menyumbang 9.8 peratus dan 13.9 peratus.

Kelantan turut menunjukkan penglibatan aktif dengan 41,334 hektar bertuai dan 180,599 tan metrik pengeluaran, menyumbang 10.6 peratus dan 10.2 peratus kepada jumlah jelapang. Pulau Pinang pula mencatat 22,598 hektar dan 134,255 tan metrik, mewakili 5.8 peratus dan 7.6 peratus. Perlis menyumbang 6.8 peratus kepada keluasan dan 5.8 peratus kepada pengeluaran melalui 26,519 hektar dan 102,623 tan metrik.

Carta 10

Kuantiti Pengeluaran Jelapang dan Luar Jelapang Padi Mengikut Negeri



Negeri-negeri lain seperti Pahang, Terengganu, Sabah dan Sarawak menunjukkan sumbangan yang lebih kecil, masing-masing di bawah 3 peratus bagi kedua-dua indikator. Corak ini memperlihatkan penumpuan aktiviti penanaman padi dalam jelapang yang lebih ketara di negeri-negeri utara dan tengah Semenanjung Malaysia, dengan Kedah kekal sebagai penyumbang utama dalam struktur pengeluaran negara.

Pegangan pertanian dari kawasan luar jelapang pula menyumbang 128,051 hektar, bersamaan 24.6 peratus daripada keseluruhan keluasan bertuai negara. Ini menunjukkan peranan pelengkap yang dimainkan oleh kawasan luar jelapang dalam menyokong pengeluaran padi nasional.

Kedah mencatat keluasan bertuai luar jelapang tertinggi dengan 40,584 hektar, mewakili 31.7 peratus daripada jumlah luar jelapang dan menghasilkan 158,177 tan metrik padi, bersamaan 29.9 peratus daripada pengeluaran luar jelapang. **Perak** pula menyumbang 16.4 peratus kepada keluasan bertuai dengan 21,038 hektar dan

15.0 peratus kepada pengeluaran melalui 79,556 tan metrik. **Perlis** merekodkan 18,423 hektar bertuai dan 79,950 tan metrik pengeluaran, masing-masing menyumbang 14.4 peratus dan 15.1 peratus.

Kelantan merekodkan 19,329 hektar keluasan bertuai dengan pengeluaran 84,114 tan metrik, mewakili 15.1 peratus daripada keluasan dan 15.9 peratus daripada jumlah pengeluaran luar jelapang. Sumbangan Terengganu dan Sabah berada dalam lingkungan 5 peratus hingga 7 peratus bagi kedua-dua ukuran, manakala Sarawak memperlihatkan 4.4 peratus bagi keluasan bertuai dan 2.1 peratus bagi pengeluaran. Negeri-negeri lain seperti Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang menunjukkan sumbangan yang lebih sederhana, masing-masing di bawah 2 peratus bagi keluasan dan pengeluaran.

Prestasi jualan padi dalam kawasan jelapang di Malaysia menunjukkan tumpuan pengeluaran yang jelas di beberapa negeri utama. Daripada jumlah keseluruhan 1.54 juta tan metrik yang direkodkan dalam jelapang,

Kedah menyumbang 636,415 tan metrik dengan nilai RM895 juta, menjadikan negeri ini sebagai pemacu utama pengeluaran jelapang. **Perak** pula mencatat 198,643 tan metrik bernilai RM280.8 juta, manakala **Selangor** menyumbang 244,901 tan metrik dengan nilai RM394.4 juta. Ketiga-tiga negeri ini menyumbang lebih dua pertiga daripada jumlah kuantiti jualan dalam jelapang, menandakan kebergantungan tinggi kepada kawasan jelapang utara dan barat Semenanjung.

Kelantan menunjukkan penglibatan aktif dengan 168,681 tan metrik dan nilai RM208.1 juta, diikuti oleh Pulau Pinang (118,306 tan; RM159.8 juta) dan Perlis (94,659 tan; RM127.3 juta). Pahang mencatat 39,671 tan metrik bernilai RM48.5 juta, manakala Terengganu menyumbang 27,015 tan metrik dengan nilai RM35.8 juta. Sabah dan Sarawak masing-masing merekodkan 13,050 tan metrik dan 664 tan metrik, dengan nilai RM16.6 juta dan RM849 ribu. Negeri-negeri lain seperti Johor, Melaka dan Negeri Sembilan tidak melaporkan pengeluaran dalam jelapang bagi tahun tersebut.

Dari segi purata hasil, **Selangor** mencatat nilai tertinggi iaitu RM1,611 per tan metrik, diikuti oleh **Perak** (RM1,414), **Kedah** (RM1,407), dan Perlis (RM1,345). Pulau Pinang dan Kelantan masing-masing merekodkan purata RM1,351 dan RM1,234 per tan metrik, manakala negeri-negeri di Pantai Timur seperti Terengganu dan Pahang mencatat purata lebih rendah iaitu RM1,325 dan RM1,222. Sabah dan Sarawak menunjukkan purata hasil yang lebih rendah, masing-masing RM1,273 dan RM1,278 per tan metrik, mencerminkan cabaran dari segi skala pengeluaran dan struktur pasaran.

Kecekapan penyaluran hasil padi ke pasaran dalam kawasan jelapang Malaysia menunjukkan variasi yang ketara antara

negeri. **Selangor** mencatat kadar tertinggi dengan 99.4 peratus daripada hasil pengeluaran berjaya dijual, menandakan sistem pengurusan bendang dan pasaran yang sangat mantap. **Kelantan** berada di kedudukan kedua dengan 93.4 peratus, diikuti rapat oleh **Sabah** yang merekodkan 93.1 peratus. Pulau Pinang menunjukkan prestasi stabil dengan 88.1 peratus, manakala Terengganu mencatat 87.2 peratus. Perak dan Perlis masing-masing merekodkan 86.9 dan 86.8 peratus, sejajar dengan purata nasional yang berada pada paras 86.9 peratus. Pahang dan Kedah menunjukkan kadar penyaluran yang lebih rendah, masing-masing 81.1 dan 80.6 peratus, menandakan ruang untuk penambahbaikan dari segi pengurusan pasca-tuaian atau akses pasaran. Sarawak mencatat kadar paling rendah iaitu 63.0 peratus, mencerminkan cabaran dari segi logistik, skala pengeluaran atau permintaan tempatan.

Prestasi jualan padi di luar kawasan jelapang Malaysia mencatat jumlah keseluruhan 443,523 tan metrik dengan nilai RM620.8 juta pada tahun 2023. **Kedah** menyumbang 130,237 tan metrik, menjadikannya negeri paling dominan dalam kategori luar jelapang, dengan nilai jualan RM193.5 juta. Perlis dan Perak masing-masing mencatat 68,184 tan metrik dan 68,047 tan metrik, dengan nilai RM94.9 juta dan RM108.5 juta, menunjukkan penglibatan aktif walaupun berada di luar zon pengeluaran utama. **Kelantan** turut menyumbang 79,149 tan metrik bernilai RM98.5 juta, manakala **Terengganu** merekodkan 37,147 tan metrik dengan nilai RM49.5 juta. Sabah mencatat 32,301 tan metrik bernilai RM40.1 juta, manakala Sarawak menunjukkan pengeluaran berskala kecil dengan 3,765 tan metrik dan nilai RM4.6 juta.

Negeri-negeri lain seperti Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang menunjukkan pengeluaran yang lebih sederhana. Johor mencatat 6,274 tan metrik dengan nilai

RM7.5 juta, Melaka 7,662 tan metrik bernilai RM9.6 juta, Negeri Sembilan 4,793 tan metrik bernilai RM6.3 juta, dan Pahang 5,963 tan metrik dengan nilai RM7.9 juta. Pulau Pinang dan Selangor tidak melaporkan pengeluaran dalam kategori luar jelang.

Perbandingan purata hasil setiap negeri di luar jelang, **Perak** menunjukkan nilai RM1,595 per tan metrik, manakala **Perlis** mencatat RM1,392 dan **Kedah** RM1,486. Kelantan dan Terengganu masing-masing merekodkan RM1,244 dan RM1,334 per tan metrik, manakala Sabah dan Sarawak menunjukkan purata RM1,242 dan RM1,221. Negeri-negeri selatan seperti Melaka, Johor dan Negeri Sembilan mencatat purata antara RM1,197 hingga RM1,312, manakala Pahang berada pada paras RM1,318 per tan metrik.

Analisis ini memperlihatkan bahawa negeri-negeri luar jelang tetap memainkan peranan penting dalam rantai bekalan padi negara, dengan beberapa negeri menunjukkan kecekapan nilai per unit yang tinggi walaupun pengeluaran berskala kecil.

Prestasi jualan padi di luar kawasan jelang memperlihatkan pola yang lebih tersendiri, dengan beberapa negeri menunjukkan kecekapan tinggi walaupun beroperasi di luar zon pengeluaran utama. **Negeri Sembilan** mencatat kadar penyaluran tertinggi, dengan 97.0 peratus hasil pengeluaran berjaya dijual. **Melaka** turut menunjukkan prestasi kukuh pada paras 95.5 peratus, manakala **Kelantan** berada tidak jauh di belakang dengan 94.1 peratus. Ketiga-tiga negeri ini memperlihatkan bahawa pengeluaran berskala kecil tidak menghalang keberkesanan pasaran tempatan.

Pahang mencatat 88.4 peratus, diikuti oleh Perak dan Perlis masing-masing pada paras 85.5 dan 85.3 peratus. Terengganu pula merekodkan 84.1 peratus, sejajar dengan purata nasional yang berada pada

83.8 peratus. Kedah menunjukkan kadar 82.3 peratus, manakala Sabah dan Johor masing-masing mencatat 73.9 dan 69.7 peratus. Sarawak berada di hujung senarai dengan hanya 34.4 peratus, menandakan jurang ketara antara pengeluaran dan keupayaan penyaluran hasil ke pasaran.

Berbeza daripada corak pengeluaran dalam jelang yang lebih tertumpu dan berskala besar, dapatan luar jelang memperlihatkan kepelbagaian pendekatan dan kebergantungan kepada sistem pasaran tempatan. Negeri yang mencatat kadar tinggi bukan semestinya pengeluar utama, namun berjaya mengoptimumkan hasil melalui saluran jualan yang cekap.

Prestasi pendapatan pegangan pertanian tanaman padi dalam jelang bagi tahun 2023 memperlihatkan dominasi **Kedah** yang menyumbang RM1.31 bilion daripada jumlah keseluruhan RM2.90 bilion. Sumbangan ini mewakili hampir separuh daripada pendapatan nasional dalam kategori jelang. **Selangor** muncul sebagai penyumbang kedua dengan RM506.5 juta, manakala **Perak** mencatat RM347.2 juta. Perlis dan Kelantan masing-masing menyumbang RM171.6 juta dan RM244.3 juta, menunjukkan penglibatan aktif dalam pengeluaran berskala negeri. Pulau Pinang pula merekodkan RM188.2 juta, manakala Pahang dan Terengganu masing-masing mencatat RM52.1 juta dan RM47.1 juta. Sabah dan Sarawak berada dalam lingkungan yang lebih rendah, masing-masing menyumbang RM19.3 juta dan RM7.1 juta. Negeri-negeri lain seperti Johor, Melaka dan Negeri Sembilan tidak melaporkan pendapatan dalam kategori ini.

Dari sudut perbelanjaan, **Kedah** mencatat RM654.9 juta daripada jumlah keseluruhan RM1.20 bilion, menunjukkan intensiti kos yang seiring dengan skala pengeluaran. **Selangor** merekodkan RM164.6 juta, manakala **Perak**

mencatat RM116.5 juta. Perlis dan Kelantan masing-masing menunjukkan perbelanjaan RM75.8 juta dan RM75.0 juta, manakala Pulau Pinang berada pada paras RM55.2 juta. Negeri-negeri lain seperti Pahang (RM24.7 juta), Terengganu (RM22.7 juta), Sabah (RM7.8 juta) dan Sarawak (RM1.5 juta) menunjukkan perbelanjaan yang lebih rendah, sejajar dengan pendapatan dan skala pengeluaran masing-masing.

Kecekapan nilai jualan terhadap pendapatan bagi pegangan pertanian tanaman padi dalam jelapang menunjukkan variasi prestasi antara negeri. **Pahang** mencatat peratusan tertinggi dengan 93.1 peratus, menandakan hubungan yang rapat antara hasil jualan dan pendapatan yang diperoleh. **Sabah** berada di kedudukan kedua dengan 86.3 peratus, diikuti rapat oleh **Kelantan** yang merekodkan 85.2 peratus. Pulau Pinang menunjukkan prestasi stabil dengan 84.6 peratus, manakala Perak mencatat 80.9 peratus. Terengganu dan Selangor masing-masing menunjukkan kadar 76.1 dan 77.9 peratus, manakala Perlis berada pada paras 74.2 peratus. Kedah mencatat 68.2 peratus, menunjukkan jurang yang lebih ketara antara nilai jualan dan pendapatan. Sarawak berada di hujung senarai dengan hanya 12.0 peratus, mencerminkan cabaran dalam menukarkan hasil jualan kepada pendapatan yang mampan.

Analisis ini memperlihatkan bahawa negeri dengan skala pengeluaran lebih kecil tidak semestinya kurang cekap dari segi penjanaan pendapatan berbanding nilai jualan, dan sebaliknya, negeri berpengeluaran tinggi mungkin menghadapi cabaran dalam mengoptimalkan pulangan.

Prestasi pendapatan pegangan pertanian tanaman padi di luar jelapang bagi tahun 2023 menunjukkan sumbangan yang pelbagai mengikut negeri. Daripada jumlah keseluruhan RM946.5 juta, **Kedah** mencatat nilai tertinggi dengan RM283.2 juta, diikuti

oleh **Perak** (RM153.9 juta) dan Perlis (RM137.9 juta). Kelantan menyumbang RM120.6 juta, manakala Terengganu merekodkan RM75.6 juta. Sabah dan Sarawak masing-masing mencatat RM61.5 juta dan RM68.1 juta, menunjukkan penglibatan aktif walaupun berada di luar zon pengeluaran utama.

Negeri-negeri selatan seperti Johor (RM14.8 juta), Melaka (RM12.4 juta), Pahang (RM11.5 juta) dan Negeri Sembilan (RM7.1 juta) menunjukkan pendapatan yang lebih sederhana, namun tetap menyumbang kepada keseluruhan prestasi luar jelapang. Pulau Pinang dan Selangor tidak melaporkan data pendapatan dalam kategori ini.

Dari segi perbelanjaan, jumlah keseluruhan yang direkodkan ialah RM427.5 juta. **Kedah** mencatat perbelanjaan tertinggi dengan RM146.2 juta, diikuti oleh **Perak** (RM71.2 juta) dan **Perlis** (RM58.7 juta). Kelantan merekodkan RM37.2 juta, manakala Terengganu mencatat RM35.8 juta. Sabah dan Sarawak masing-masing menunjukkan perbelanjaan RM26.0 juta dan RM29.0 juta. Negeri-negeri lain seperti Johor (RM8.4 juta), Melaka (RM5.6 juta), Pahang (RM5.5 juta) dan Negeri Sembilan (RM3.9 juta) menunjukkan perbelanjaan yang lebih rendah, sejajar dengan skala pengeluaran dan pendapatan masing-masing. Pulau Pinang dan Selangor tidak melaporkan data perbelanjaan dalam kategori luar jelapang.

Kecekapan penjanaan pendapatan daripada nilai jualan padi luar jelapang menunjukkan pola yang berbeza antara negeri. **Negeri Sembilan** berada di kedudukan paling tinggi dengan 88.3 peratus, menandakan tahap keberkesanan yang tinggi dalam menukarkan hasil jualan kepada pendapatan. **Kelantan** mencatat 81.6 peratus, diikuti oleh **Melaka** dengan 77.4 peratus, memperlihatkan keupayaan pengurusan hasil yang mantap walaupun skala pengeluaran lebih kecil. Perlis dan Perak masing-masing menunjukkan kadar

68.8 dan 70.5 peratus, manakala Pahang dan Kedah berada pada paras 68.5 dan 68.3 peratus. Terengganu, Sabah dan Sarawak pula mencatat peratusan antara 61.8 hingga 65.5 peratus, menunjukkan prestasi yang sederhana dalam penukaran nilai jualan kepada pendapatan. Johor berada di kedudukan paling rendah dengan 50.6 peratus, mencerminkan jurang yang ketara antara hasil jualan dan pendapatan yang diperoleh.

Secara keseluruhan diperlihatkan bahawa negeri-negeri utara Semenanjung Malaysia bukan sahaja aktif dalam jelapang, malah turut memainkan peranan penting di luar jelapang, menjadikan mereka sebagai tulang belakang kepada pengeluaran padi negara. Walaupun jelapang kekal sebagai pusat utama pengeluaran padi negara, kawasan luar

jelapang kini memainkan peranan lebih besar dalam kesinambungan pengeluaran, khususnya di negeri-negeri yang tidak dilengkapi sistem pengairan berpusat. Gaya pengurusan kos dalam jelapang turut memperlihatkan hubungan langsung antara pendapatan dan perbelanjaan, dengan negeri-negeri berpengeluaran tinggi menanggung kos yang lebih besar namun tetap menunjukkan pulangan yang mampan. Dapatan turut menunjukkan bahawa negeri-negeri yang terlibat secara aktif dalam pengeluaran padi di luar jelapang turut mengekalkan keseimbangan antara pendapatan dan perbelanjaan. Corak ini mencerminkan keupayaan pengurusan kos yang selari dengan hasil yang diperoleh, sekali gus memperkukuh daya tahan ekonomi pegangan pertanian.

WARISAN TANPA PEWARIS: CABARAN PEGANGAN PERTANIAN YANG SEMAKIN UZUR

Penglibatan pegangan pertanian tanaman padi daripada golongan warga emas seramai 66,376 individu menunjukkan corak yang berbeza antara negeri-negeri di Malaysia. **Kedah** mencatat bilangan pegangan pertanian warga emas yang paling tinggi, melebihi 28 ribu, menandakan peranan dominan golongan ini dalam aktiviti pertanian negeri tersebut.

Perak, Sarawak dan **Perlis** turut mencatat angka yang tinggi, masing-masing melebihi enam ribu pegangan, memperlihatkan keaktifan warga emas dalam pengusahaan tanah pertanian. Pulau Pinang dan Selangor masing-masing mencatat 3,559 dan 3,527 pegangan. Manakala Sabah pula mencatat 3,070 pegangan, diikuti oleh Terengganu dan Kelantan masing-masing merekodkan 2,092 dan 2,515 pegangan. Di negeri seperti Johor, Melaka dan Negeri Sembilan, bilangan pegangan jauh lebih rendah, dengan angka di bawah 500, menunjukkan penglibatan yang lebih terhad dalam kalangan warga emas. Negeri lain seperti Kelantan, Selangor dan Sabah pula berada dalam kategori pertengahan, mencerminkan keseimbangan antara pertanian tradisional dan pembangunan bandar.


Taburan umur pegangan pertanian tanaman padi menunjukkan perbezaan ketara dari segi tahap pendidikan tertinggi yang diperoleh, mencerminkan perubahan generasi dan akses kepada pendidikan. Golongan berumur 60 tahun dan ke atas merupakan kumpulan paling ramai, dengan 53,771 individu terlibat. Daripada jumlah ini, 36,550 orang memiliki pendidikan rendah atau tiada sijil, mewakili 68.0 peratus daripada kumpulan umur tersebut. Hanya 2,316 orang dalam kategori ini memiliki pendidikan tertiar, bersamaan 4.3 peratus, menunjukkan jurang pendidikan yang ketara dalam kalangan petani berusia.

Dari segi keluasan bertanam tanaman padi yang diusahakan oleh warga emas, secara keseluruhan, Malaysia mencatat 262,233 hektar dengan purata hasil nasional 4,125 kg/ha, memperlihatkan peranan berterusan golongan berusia dalam menjana pengeluaran padi negara.

Kedah sekali lagi mendahului dengan keluasan melebihi 117 ribu hektar, merangkumi lebih separuh daripada keseluruhan kawasan bertanam di negeri itu, dengan purata hasil 4,162 kg/ha.

Carta 11

Bilangan Pesawah Warga Emas Mengikut Jantina dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023



Kelantan memperlihatkan keluasan bertanam melebihi 31 ribu hektar, dengan sumbangan melebihi 40 peratus daripada keseluruhan negeri, menandakan kebergantungan yang tinggi terhadap warga emas dalam pengeluaran padi. Purata hasil di negeri ini mencapai 4,442 kg/ha, menunjukkan tahap produktiviti yang kukuh.

Perlis pula mencatat keluasan bertanam melebihi 27 ribu hektar, turut menyumbang lebih 40 peratus daripada keseluruhan negeri. Purata hasil di Perlis berada pada paras 3,710 kg/ha, memperlihatkan peranan penting pesawah berusia dalam memastikan kesinambungan pengeluaran padi di negeri tersebut. Selangor yang mempunyai keluasan bertanam seluas 17,703 hektar muncul sebagai negeri dengan hasil, tertinggi dengan 5,355 kg/ha menunjukkan keberkesanan amalan pertanian dan sokongan teknologi.

Negeri seperti Melaka dan Negeri Sembilan walaupun mencatat keluasan yang kecil, tetap menunjukkan peratusan penglibatan warga emas yang tinggi, menandakan peranan utama mereka dalam skala pengusahaan yang lebih kecil. Sarawak pula memperlihatkan bilangan pegangan yang tinggi tetapi keluasan bertanam yang rendah dengan hasil purata padi 1,887 kg/ha, menunjukkan kemungkinan wujudnya pegangan berskala kecil atau

berorientasikan sara diri. Johor pula mencatat keluasan bertanam yang paling rendah dan peratusan penglibatan warga emas yang paling kecil. Namun purata hasil di negeri-negeri ini berada dalam lingkungan 4,126 hingga 4,433 kg/ha, menunjukkan potensi produktiviti yang baik walaupun skala penglibatan lebih kecil.

Daripada jumlah keseluruhan keluasan bertuai tanaman padi Malaysia yang direkodkan pada 510,720 hektar, warga emas menyumbang 49.0 peratus atau 250,494 hektar. **Perlis** mencatat peratusan tertinggi dengan 56.2 peratus daripada keluasan bertuai negeri, menunjukkan penglibatan aktif golongan berusia dalam penanaman padi. Golongan ini juga menyumbang 55.4 peratus (102,932 metrik tan) daripada kuantiti pengeluaran padi di Perlis.

Kedah berada di kedudukan kedua dengan 52.1 peratus (116,604 hektar) keluasan bertuai dan 52.3 peratus (487,325 metrik tan) kuantiti pengeluaran padi, mencerminkan kesinambungan tradisi pertanian dalam kalangan generasi lama. **Sarawak** pula merekodkan 49.0 peratus (5,742 hektar daripada 11,614 hektar), sejajar dengan purata nasional. Warga emas di Sarawak menyumbang 49.4 peratus (5,742 daripada 11,614 metrik tan) daripada jumlah pengeluaran padi negeri.

Jadual 2

Keluasan Bertuai dan Kuantiti Pengeluaran Padi di Kalangan Warga Emas mengikut Negeri, Malaysia, 2023

Negeri	Malaysia	Johor	Kedah	Kelantan	Melaka	Negeri Sembilan	Pahang	Pulau Pinang	Perak	Perlis	Selangor	Terengganu	Sabah	Sarawak
Keseluruhan Keluasan Tuaian (hektar) - Individu	510,720	2,103	223,966	60,313	1,984	670	12,529	22,220	73,865	44,755	38,383	11,226	12,642	6,065
Keluasan Tuaian (hektar) - Warga Emas	250,494	680	116,604	25,694	899	204	5,505	9,787	35,438	25,127	17,547	4,268	5,818	2,975
Keseluruhan Kuantiti Pengeluaran (tan metrik) - Individu	2,257,434	8,471	932,323	263,300	7,961	4,269	54,560	131,505	279,373	185,717	245,534	74,759	58,048	11,614
Kuantiti Pengeluaran (tan metrik) - Warga Emas	1,081,652	3,095	487,325	110,429	3,653	1,536	24,958	57,966	135,608	102,932	94,801	27,013	26,897	5,742

Selangor, Sabah, dan Melaka masing-masing menunjukkan sumbangan antara 45 peratus hingga 46 peratus, manakala Pulau Pinang, Perak, dan Pahang berada sekitar 44 peratus hingga 45 peratus. Kelantan dan Terengganu pula mencatat antara 38 peratus hingga 43 peratus, manakala Johor dan Negeri Sembilan menunjukkan kadar penglibatan warga emas yang lebih rendah, di bawah 33 peratus.

Pegangan pertanian warga emas yang mengusahakan tanaman padi menunjukkan sumbangan kuantiti jualan yang berbeza di beberapa negeri. **Kedah** mencatat jumlah tertinggi dengan lebih 396 ribu tan metrik, menyumbang lebih 40 peratus daripada keseluruhan kuantiti jualan di Malaysia. **Perak** berada di kedudukan kedua dengan lebih 119 ribu tan metrik, diikuti oleh **Selangor** dan **Perlis** yang masing-masing melepasi 90 ribu tan metrik. Kelantan menunjukkan lebih 103 ribu tan metrik, diikuti oleh Pulau Pinang dengan lebih 51 ribu tan metrik. Terengganu dan Sabah masing-masing berada dalam lingkungan 20 ribu tan metrik, manakala negeri-negeri lain seperti Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang dan Sarawak mencatat kuantiti di bawah 10 ribu tan metrik.

Dari segi nilai jualan, pegangan pertanian warga emas di **Selangor** mencatat purata hasil tertinggi dengan RM1,578 per tan metrik, menunjukkan kecekapan pasaran yang tinggi walaupun kuantiti tidak mendominasi. **Perak** dan **Kedah** masing-masing mencatat purata RM1,471 dan RM1,413, manakala Perlis dan Johor menunjukkan kadar yang sama iaitu RM1,358. Pulau Pinang mencatat RM1,349, diikuti oleh Melaka dengan RM1,345. Negeri Sembilan dan Terengganu masing-masing berada pada paras RM1,308 dan RM1,327, manakala Pahang mencatat RM1,227. Sabah dan Sarawak menunjukkan nilai yang sama iaitu RM1,253, manakala Kelantan berada di hujung senarai dengan RM1,235.

Analisis ini memperlihatkan bahawa negeri dengan kuantiti jualan yang tinggi tidak

semestinya mencatat purata hasil tertinggi, dan sebaliknya, negeri dengan skala pengeluaran sederhana seperti Selangor menunjukkan potensi pulangan yang lebih tinggi per unit.

Prestasi pendapatan pegangan pertanian tanaman padi yang dikendalikan oleh warga emas bagi tahun 2023 menunjukkan dominasi **Kedah** dengan nilai melebihi RM800 juta, menyumbang lebih 45 peratus daripada jumlah pendapatan nasional dalam kategori ini. **Perak** dan **Perlis** masing-masing mencatat lebih RM200 juta dan RM160 juta, manakala Selangor menunjukkan nilai melebihi RM190 juta. Kelantan pula merekodkan lebih RM150 juta, diikuti oleh Pulau Pinang dengan RM81 juta. Negeri-negeri lain seperti Pahang, Sabah dan Terengganu berada dalam lingkungan RM40 hingga RM55 juta. Sarawak mencatat RM27 juta, manakala negeri-negeri dengan bilangan pegangan warga emas yang lebih kecil seperti Johor, Melaka dan Negeri Sembilan menunjukkan pendapatan di bawah RM10 juta.

Dari segi perbelanjaan, **Kedah** sekali lagi berada di kedudukan tertinggi dengan nilai melebihi RM400 juta, menunjukkan skala operasi yang besar dan intensif. **Perak** dan **Perlis** masing-masing mencatat perbelanjaan melebihi RM85 juta dan RM72 juta, manakala Selangor menunjukkan nilai RM72 juta. Kelantan merekodkan RM65 juta, diikuti oleh Pulau Pinang dengan RM23 juta. Negeri-negeri lain seperti Pahang, Sabah dan Terengganu menunjukkan perbelanjaan antara RM19 hingga RM26 juta. Sarawak mencatat RM8 juta, manakala Johor, Melaka dan Negeri Sembilan berada di bawah paras RM3 juta.

Kecekapan pegangan pertanian warga emas dalam menukarkan nilai jualan kepada pendapatan menunjukkan variasi prestasi antara negeri. **Pahang** berada di kedudukan paling tinggi dengan 89.9 peratus, menandakan aliran hasil yang hampir sepenuhnya diterjemahkan kepada pendapatan. **Pulau Pinang** dan **Negeri Sembilan** masing-masing mencatat

84.9 peratus, manakala Kelantan menunjukkan 84.6 peratus. Perak dan Perlis berada dalam lingkungan 79 peratus, diikuti oleh Melaka dengan 78.3 peratus. Selangor mencatat 76.1 peratus, manakala Kedah dan Terengganu masing-masing menunjukkan kadar sekitar 69 peratus. Sabah berada sedikit lebih rendah dengan 72.4 peratus, manakala Johor mencatat 60.8 peratus. Sarawak berada di hujung senarai dengan hanya 9.4 peratus, menunjukkan ketidaksepadanan yang ketara antara nilai jualan dan pendapatan.

Susunan ini memperlihatkan bahawa negeri dengan struktur pengeluaran yang lebih padat dan berfokus mampu menghasilkan pulangan yang lebih efisien untuk warga emas. Negeri yang mencatat peratusan tinggi menunjukkan keberkesanan dalam pengurusan hasil dan saluran pasaran, manakala negeri dengan peratusan rendah mungkin berhadapan dengan cabaran dari segi kos operasi, akses pasaran atau ketidakpadanan dalam rantai nilai.

BELIA DAN BENDANG: MENYEMAI MASA DEPAN PERTANIAN NEGARA

Taburan pegangan pertanian tanaman padi dalam kalangan belia berusia antara 15 hingga 30 tahun menunjukkan keutamaan yang jelas di lima negeri utama. **Kedah** mencatat 1,087 individu belia, mewakili 34.2 peratus daripada jumlah keseluruhan pegangan pertanian di Malaysia yang berjumlah 3,177. **Selangor** berada di kedudukan kedua dengan 368 individu, bersamaan 11.6 peratus, diikuti oleh **Perak** dengan 280 individu (8.8%).

Pulau Pinang merekodkan 234 orang belia, menyumbang 7.4 peratus, manakala Terengganu mencatat 213 lokasi, iaitu 6.7 peratus. Gabungan lima negeri ini merangkumi lebih 68 peratus daripada keseluruhan lokasi pegangan pertanian belia di negara ini, memperlihatkan tumpuan yang tinggi di kawasan utara dan pantai timur Semenanjung.

Bagi golongan belia ini, 2,434 daripada 2,519 individu memiliki pendidikan menengah (1,760) atau tertiar (426), mewakili 96.6 peratus daripada keseluruhan kumpulan. Ini memberi gambaran bahawa generasi baharu petani padi lebih bersedia dan berpotensi untuk mengadaptasi teknologi serta pendekatan moden dalam pengurusan pertanian.


Kadar tuaian tanaman padi dalam kalangan pegangan pertanian belia memperlihatkan pencapaian tinggi di beberapa negeri. **Selangor** mencatat keluasan bertanam 1,940 hektar dengan tuaian 1,939 hektar, bersamaan 99.9 peratus daripada keluasan bertanam, menandakan kecekapan tuaian yang hampir sempurna. **Perak** turut menunjukkan pencapaian yang sama, dengan 1,672 hektar bertanam dan 1,671 hektar dituai, iaitu 99.9 peratus. **Sabah** merekodkan 437 hektar bertanam dengan 435 hektar dituai, bersamaan 99.5 peratus, manakala Kedah mencatat 4,272 hektar bertanam dan 4,250 hektar dituai, iaitu 99.5 peratus. Pahang pula menunjukkan 573 hektar bertanam dengan 569 hektar dituai, bersamaan 99.3 peratus. Perlis dan Pulau Pinang turut mengekalkan kadar tuaian tinggi, masing-masing pada 97.6 peratus (754 hektar bertanam, 736 hektar dituai) dan 98.8 peratus (692 hektar bertanam, 684 hektar dituai). Sarawak pula mencatat 64 hektar bertanam dengan kadar tuaian penuh 100 peratus.

Kelantan memperlihatkan keluasan bertanam 2,248 hektar, namun hanya 1,814 hektar dituai, bersamaan 80.7 peratus, menunjukkan jurang antara penanaman dan hasil tuaian. Terengganu pula merekodkan 688 hektar bertanam dengan 431 hektar dituai, iaitu 62.6 peratus, menandakan cabaran dalam pengurusan hasil. Johor, Melaka dan Negeri Sembilan masing-masing mencatat keluasan bertanam di bawah 150 hektar, dengan kadar tuaian antara 84 peratus hingga 95 peratus, menunjukkan penyertaan yang lebih kecil tetapi tetap konsisten.

Secara keseluruhan, pegangan pertanian tanaman padi oleh belia di Malaysia merekodkan 13,593 hektar bertanam dengan 12,808 hektar dituai, bersamaan 94.2 peratus daripada keluasan bertanam. Taburan ini memperlihatkan bahawa negeri-negeri seperti Selangor, Perak, Kedah,

Carta 12

Peratusan Kumpulan Sijil Tertinggi
Pegangan Pertanian Golongan Belia



Sabah, Pahang, Perlis dan Pulau Pinang mengekalkan kecekapan tuaian yang tinggi, manakala Kelantan dan Terengganu menunjukkan ruang untuk diperkasa melalui sokongan teknikal serta strategi pengurusan hasil.

Pengeluaran padi oleh pegangan pertanian belia menunjukkan taburan yang pelbagai antara negeri, dengan **Kedah** mencatat kuantiti tertinggi iaitu 17,774 tan metrik, menyumbang 1.9 peratus kepada jumlah keseluruhan pengeluaran negara.

Kelantan dan **Selangor** masing-masing merekodkan lebih 7,000 tan metrik, dengan peratus sumbangan belia masing-masing pada 2.9 dan 3.0 peratus. Perak menunjukkan 6,200 tan metrik dengan 2.2 peratus penglibatan belia, manakala Pulau Pinang mencatat 3,823 tan metrik dan kadar 2.9 peratus. Perlis dan Terengganu masing-masing berada dalam lingkungan 3,000 tan metrik, dengan peratusan 1.8 dan 4.1 peratus.


Pahang menunjukkan 2,243 tan metrik dengan kadar penglibatan pegangan pertanian belia 4.1 peratus, manakala Sabah mencatat 1,922 tan metrik dan 3.3 peratus. Johor merekodkan 608 tan metrik, namun peratus penglibatan belia

berada pada paras 7.2 peratus. Negeri Sembilan pula mencatat 361 tan metrik, tetapi menunjukkan kadar tertinggi penglibatan belia iaitu 8.5 peratus. Melaka dan Sarawak masing-masing mencatat kuantiti di bawah 200 tan metrik, dengan peratusan 2.0 dan 1.0 peratus.

Sumbangan jualan oleh pegangan pertanian belia dalam sektor tanaman padi memperlihatkan variasi antara negeri, di mana **Kedah** merekodkan kuantiti tertinggi sebanyak 14,263 tan metrik, bersamaan kira-kira 29.8 peratus daripada jumlah keseluruhan jualan negara yang berjumlah 47,855 tan metrik. Nilai jualan yang direkodkan di Kedah ialah RM20.2 juta. **Selangor** menyumbang 7,300 tan metrik dengan nilai RM12.0 juta, manakala **Kelantan** menunjukkan 7,079 tan metrik dan nilai RM8.8 juta. Perak mencatat 5,574 tan metrik bersamaan RM8.2 juta, diikuti oleh Pulau Pinang dengan 3,334 tan metrik dan nilai RM4.5 juta. Perlis menunjukkan 2,964 tan metrik dengan nilai RM4.1 juta, manakala Terengganu dan Pahang masing-masing merekodkan 2,698 tan metrik dan 2,152 tan metrik, dengan nilai jualan RM3.6 juta dan RM2.6 juta.

Carta 13

Keluasan Bertanam dan Keluasan Bertuai bagi Golongan Belia Mengikut Negeri, 2023



Sabah mencatat 1,447 tan metrik bersamaan RM1.8 juta, manakala Johor menunjukkan 438 tan metrik dengan nilai RM554 ribu. Negeri Sembilan dan Melaka masing-masing berada pada paras 361 tan metrik dan 147 tan metrik, dengan nilai jualan RM491 ribu dan RM199 ribu. Sarawak merekodkan kuantiti paling rendah iaitu 42 tan metrik dan nilai RM51 ribu.

Purata jualan padi oleh pegangan pertanian belia menunjukkan variasi prestasi antara negeri, dengan **Selangor** mencatat nilai tertinggi iaitu RM1,650 per tan metrik, melepasi purata nasional yang berada pada paras RM1,404. **Perak** menunjukkan RM1,465, manakala **Kedah** mencatat RM1,413. Perlis dan Pulau Pinang masing-masing merekodkan RM1,377 dan RM1,364, diikuti rapat oleh Negeri Sembilan dan Melaka dengan RM1,359 dan RM1,354. Terengganu mencatat RM1,333, manakala Johor dan Sabah masing-masing menunjukkan RM1,265 dan RM1,263. Kelantan berada pada paras RM1,240, manakala Pahang dan Sarawak mencatat nilai paling rendah iaitu RM1,212 dan RM1,200.

Perbandingan ini memperlihatkan bahawa negeri dengan kuantiti jualan yang tinggi tidak semestinya mencatat purata hasil tertinggi, dan sebaliknya, negeri seperti Selangor menunjukkan kecekapan pasaran yang lebih tinggi walaupun tidak mendominasi dari segi jumlah jualan.

Pendapatan yang dijana oleh pegangan pertanian belia dalam sektor tanaman padi menunjukkan variasi antara negeri, dengan **Kedah** mencatat nilai tertinggi iaitu RM32.1 juta. **Selangor** berada di kedudukan kedua dengan RM18.2 juta, diikuti oleh **Kelantan** dan **Perak** yang masing-masing merekodkan RM10.8 juta dan RM10.7 juta. Pulau Pinang menunjukkan RM5.3 juta, manakala Terengganu dan Perlis masing-masing mencatat RM5.2 juta dan RM5.8 juta. Sabah dan Pahang berada dalam lingkungan RM2.3 juta hingga RM2.8 juta, manakala Johor menunjukkan RM1.1 juta.

Negeri Sembilan dan Melaka masing-masing mencatat pendapatan di bawah RM600 ribu, manakala Sarawak merekodkan RM530 ribu.

Dari segi peratus sumbangan jualan kepada pendapatan, **Pahang** mencatat kadar tertinggi iaitu 91.8 peratus, menunjukkan aliran hasil yang sangat bergantung kepada aktiviti jualan. **Negeri Sembilan** dan **Melaka** masing-masing menunjukkan kadar melebihi 84 peratus, manakala Pulau Pinang dan Kelantan berada dalam lingkungan 81 hingga 86 peratus. Sabah mencatat 79.3 peratus, diikuti oleh Perak dan Perlis dengan kadar sekitar 70 peratus. Terengganu dan Selangor masing-masing menunjukkan 69.9 dan 66.2 peratus, manakala Kedah dan Johor berada pada paras 62.8 dan 51.2 peratus. Sarawak mencatat kadar paling rendah iaitu 9.6 peratus, menandakan struktur pendapatan yang kurang bergantung kepada jualan langsung.

Perbelanjaan yang ditanggung oleh pegangan pertanian belia dalam sektor tanaman padi menunjukkan agihan yang berbeza mengikut negeri, dengan **Kedah** mencatat nilai tertinggi iaitu RM15.4 juta daripada jumlah keseluruhan RM42.2 juta. **Selangor** merekodkan RM9.1 juta, manakala **Perak** dan Kelantan masing-masing menunjukkan RM4.2 juta dan RM3.2 juta. Perlis dan Terengganu berada dalam lingkungan RM2.6 juta hingga RM2.5 juta, diikuti oleh Pulau Pinang dan Pahang dengan nilai sekitar RM1.3 juta. Sabah mencatat RM1.0 juta, manakala Johor menunjukkan RM606 ribu. Negeri Sembilan dan Sarawak masing-masing merekodkan RM342 ribu dan RM161 ribu, manakala Melaka berada pada paras RM108 ribu.

Taburan ini memperlihatkan bahawa negeri yang aktif dari segi pengeluaran dan jualan turut menanggung perbelanjaan yang tinggi, namun terdapat juga negeri dengan kos yang rendah yang mungkin mencerminkan skala operasi yang lebih kecil atau pendekatan pengurusan yang berbeza.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



RENCANA

95

Kedah Jelapang Padi Malaysia: Aktiviti dan Cabaran

98

Beras Bario dan Padi Huma di Sarawak: Warisan Pertanian dan Potensi Komersial

102

Keberkesanan Mekanisasi kepada Aktiviti Penanaman Padi di Selangor, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

KEDAH JELAPANG PADI MALAYSIA: AKTIVITI DAN CABARAN

Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Kedah


Disediakan oleh:

Hamimah binti Mohd Shah, Nadia binti Marzuki
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kedah

Kedah merupakan sebuah negeri di utara Semenanjung Malaysia yang mempunyai keluasan 9,466 kilometer persegi, merangkumi 12 daerah pentadbiran dan 133 mukim. ^[1] Negeri Kedah antara negeri tertua di Malaysia yang kaya dengan sejarah dan warisan budaya yang tersendiri. Selain itu, Kedah turut dikenali dengan jolokan "Negeri Jelapang Padi Malaysia" kerana menjadi pengeluar utama hasil tanaman padi negara, sekali gus memainkan peranan penting dalam menjamin sekuriti makanan negara.

Keadaan bentuk muka bumi yang agak rata menjadikan Kedah sesuai untuk aktiviti Pertanian, khususnya tanaman padi. Pada tahun 2023, seluas 109,817 hektar tanah dikenalpasti kawasan sawah padi di negeri ini. ^[2] Aktiviti penanaman padi di Kedah dikawal selia oleh dua agensi utama iaitu Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Negeri Kedah. MADA bertanggungjawab menguruskan kawasan utama pengeluaran padi di bawah Rancangan Pengairan MUDA atau dikenali sebagai kawasan Jelapang manakala LPP menguruskan kawasan luar jelapang. Keluasan paset di bawah Jelapang adalah 83,998.16 hektar (76.5%), manakala bakinya di bawah seliaan luar jelapang.

KAWASAN JELAPANG DAN LUAR JELAPANG MENGIKUT GUNA TANAH SEMASA TAHUN 2024



Sejarah awal penanaman padi di Kedah bermula sekitar abad ke-15 dan ke-16, namun kegiatan ini menjadi lebih giat pada awal abad ke-18. Aktiviti penanaman padi terus berkembang pada tahun 1909 apabila negeri mula diperintah oleh British, dengan sistem penanaman hanya dijalankan sekali setahun. Pada peringkat awal, penglibatan penduduk setempat dalam aktiviti penanaman padi bertujuan menyara diri sahaja dan aktiviti penanaman masih belum teratur disebabkan oleh keterbatasan sumber air. Walaupun Terusan Wan Mat Saman telah dibina pada 1855 dengan jarak 30 kilometer, bekalan air masih untuk tanaman padi ketika itu, masih lagi bergantung kepada sumber air hujan sebagai sumber utama ^[3]. Situasi ini mula berubah selepas penubuhan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) pada tahun 1970, penanaman padi mula dilakukan sebanyak dua kali setahun apabila terdapat pelbagai kemudahan yang dibangunkan seperti sistem pengairan yang sistematik dan penggunaan jentera dalam proses penanaman serta penuaian. Bermula tahun 2022, MADA dengan kerjasama kerajaan Negeri Kedah telah menjalankan projek rintis penanaman padi lima kali dalam tempoh dua tahun melibatkan keluasan permulaan sebanyak 1,240 hektar. Projek ini bertujuan meningkatkan pengeluaran padi sehingga 65% ^[4].

Secara umumnya, padi tempatan boleh dituai dua kali setahun. Penyemaian anak benih musim pertama bermula bulan April, lazimnya akan mengeluarkan hasil yang lebih baik berbanding musim kedua (sekitar bulan Ogos). Namun begitu, petani cenderung menghadapi pelbagai cabaran bergantung pada musim. Semasa musim pertama, faktor cuaca suhu yang tinggi dan taburan hujan yang rendah boleh menjejaskan pembentukan klorofil dan proses pembungaan padi ^[5]. Bagi musim kedua pula, petani sering berdepan dengan cuaca yang tidak menentu seperti hujan berlebihan, banjir serta padi angin yang sering menjadi penyebab utama kepada penurunan hasil pengeluaran. Ini menunjukkan faktor cuaca memainkan peranan besar terhadap pengeluaran padi dan risiko kemerosotan hasil padi lebih tinggi pada penghujung tahun.

Pada masa kini, usaha transformasi kaedah penanaman padi di Kedah semakin meluas dengan penerapan teknologi moden seperti penggunaan jentera traktor, mesin penuai dan pengering, serta dron pertanian bagi semburan input seperti baja dan racun. Contohnya, MADA telah menggunakan dron secara komersial di beberapa kawasan untuk semburan racun di sawah padi kawasan Muda sejak 2017 ^[6]. Pendekatan ini turut diperkukuh melalui penggunaan teknologi digital seperti aplikasi mudah alih, sistem Internet of Things (IoT) dan peranti pintar yang membantu memudahkan petani memantau keadaan sawah dengan efisien. Kajian menunjukkan bahawa teknologi dron dapat meningkatkan kecekapan kerja di sawah padi kawasan MADA sehingga sekitar 9 % berbanding kaedah manual ^[7]. Walau bagaimanapun, penggunaan teknologi ini masih terbatas dan penerimaan masih rendah di kalangan pesawah kecil disebabkan oleh kos yang tinggi, keperluan latihan dan infrastruktur digital yang belum menyeluruh.

Secara keseluruhannya, sektor penanaman padi di Kedah terus memainkan peranan penting dalam memastikan kelestarian bekalan makanan negara. Walaupun berdepan cabaran perubahan iklim, bencana alam dan kekangan kos pengeluaran. Penggunaan teknologi moden seperti dron, jentera pintar, serta aplikasi digital bukan sahaja meningkatkan kecekapan pengurusan sawah, malah membuka ruang kepada pembabitan generasi muda dalam bidang pertanian. Dengan sokongan dasar kerajaan, pelaksanaan teknologi jalur lebar luar bandar, dan latihan berterusan kepada pesawah, Kedah berpotensi kekal sebagai "Jelapang Padi Malaysia" yang bukan sahaja produktif, tetapi juga mampan dan berdaya saing dalam era digital.

Sumber:

- [1] Jabatan Perangkaan Malaysia (2024). My Local Stats, 2023.
- [2] Jabatan Pertanian. (2023). Booklet Statistik Tanaman (Sub-Sektor Tanaman Makanan), 2023.
- [3] Kajian Malaysia, lil.IX. (1991, 2 Disember). Tanaman Padi di negeri Kedah dan hubungannya dengan Sumber Air: Satu tinjauan Daripada Perspektif Sejarah, Dicapai daripada <https://eprints.utm.my/5022/1/TanamanPadi.pdf>
- [4] Berita Harian. (2022, 30 Ogos). 5 kali tanam dalam 2 tahun, Kedah sasar tingkat pengeluaran padi 65 peratus. Dicapai daripada <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2022/08/994763/5-kali-tanam-dalam-2-tahun-kedah-sasar-tingkat-pengeluaran-padi-65>
- [5] Portal rasmi Jabatan Perdana Menteri.(2025, 15 Julai). *Floods Wiped Out RM158M of Padi In 2024*. Dicapai daripada <https://www.nadma.gov.my/bm/media-2/berita/4810-floods-wiped-out-rm158m-of-padi-in-2024?utm>
- [6] Malay Mail. (2017, 1 April). *MADA Creates History with Drone Pesticide Spray, Says Shabery*. Dicapai daripada <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2017/04/01/mada-creates-history-with-drone-pesticide-spray-says-shabery>
- [7] Mohd Hassan, A. et al. (2022). *Comparative Efficacy of Drone Application in Chemical Spraying at Paddy Field MADA Kedah*. ResearchGate. Dicapai daripada <https://www.researchgate.net/publication/362189985>

Beras Bario dan Padi Huma di Sarawak: Warisan Pertanian dan Potensi Komersial


Zaitun Mohd Taha @ Abd. Rahman dan Dayang Rozana Abang Hassan

Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sarawak

PENGENALAN

Sarawak merupakan sebuah negeri yang unik dari sudut geografi dan kepelbagaian etnik dengan sebahagian besar populasi di luar bandar masih bergantung kepada sistem pertanian tradisional terutamanya penanaman padi huma. Antara contoh varieti padi huma di Sarawak yang merupakan benih warisan tempatan seperti berikut:

Rajah 1: Taburan Varieti Padi Warisan di Sarawak



Sumber : *The Paddy and Rice Industry of Sabah and Sarawak - Status and Potential*, Khazanah Research Institute

Padi huma berpotensi menyumbang kepada pembangunan mampan. Beras Bario merupakan salah satu varieti padi tradisional yang ditanam secara eksklusif di kawasan Tanah Tinggi Bario (Bario Highlands) dan Ba'kelalan.

STATISTIK SEMASA PADI DAN BERAS DI SARAWAK

Penanaman padi di Sarawak kebanyakan masih dilaksanakan secara tradisional dan dijalankan secara berskala kecil sebagai aktiviti sara hidup. Merujuk kepada Laporan Interim Padi Banci Pertanian 2024, terdapat seramai 22,728 pesawah pada tahun 2023 merupakan pesawah yang menanam padi untuk kegunaan sendiri atau sara diri tanpa dijual ke pasaran.

Berdasarkan kepada Laporan Perangkaan Agromakanan Malaysia 2024 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), keluasan bertanam padi di Sarawak pada 2023 adalah 61,342 hektar, menyusut 21.3 peratus daripada 77,943 hektar pada tahun sebelumnya. Sementara itu, pengeluaran padi Sarawak pada tahun 2023 dicatatkan pada 118,163.0 tan metrik manakala pengeluaran beras yang dihasilkan adalah 70,900 tan metrik. Statistik ini merujuk kepada padi sawah dan padi huma.

WARISAN PADI HUMA

Padi huma merupakan sistem penanaman padi tradisional yang telah diamalkan secara turun-temurun oleh komuniti pedalaman di Sarawak seperti Orang Ulu, Kelabit, Lun Bawang dan Penan. Sistem ini dijalankan di kawasan bukit, tanah tinggi dan lereng-lereng hutan tanpa kebergantungan kepada sistem pengairan kekal seperti saluran atau tali air.

Padi huma bukan sekadar sumber makanan namun turut berperanan sebagai pengikat sosial dan simbol identiti etnik. Upacara menanam dan menuai padi disambut sebagai perayaan komuniti seperti Irau Mekaa Ngadan (Kelabit) atau Pesta Nukenen (festival makanan tradisional). Pengetahuan mengenai jenis benih, masa menanam, kaedah tuai dan simpan benih diwarisi secara lisan dari generasi ke generasi. Migrasi belia ke bandar menyebabkan kekurangan generasi muda yang berminat atau mempunyai kemahiran dalam pertanian tradisional.

POTENSI KOMERSIL

Dasar Agromakanan Negara 2021–2030 (DAN 2.0) menggariskan dalam *Strategi Kedua* di bawah subsektor Padi dan Beras iaitu “Memanfaatkan Potensi Varieti Beras Istimewa Tempatan”. Antara tujuan strategi ini adalah mengiktiraf dan/atau membangunkan varieti beras istimewa sebagai produk agromakanan premium Malaysia.

Varieti premium tempatan seperti Beras Bario memiliki nilai budaya dan ekonomi yang signifikan. Beras Bario bukan sahaja berperanan sebagai makanan ruji tetapi juga sebagai simbol identiti budaya dan warisan masyarakat pribumi di Sarawak.

Beras Bario mudah dikenali kerana saiznya yang pendek, teksturnya yang lembut dan aromanya yang wangi apabila dimasak. Kandungan amilopektin yang tinggi dalam beras ini menjadikannya sesuai untuk pelbagai jenis masakan Asia. Kualiti unik ini menyebabkan Beras Bario mendapat permintaan tinggi dalam pasaran niche khususnya dalam kalangan pengguna yang menghargai produk organik serta menghargai hasil daripada komuniti tradisional yang menjaga kelestarian alam.

Produktiviti bagi padi huma/varieti warisan di Sarawak dianggarkan hanya sekitar satu hingga dua tan sehektar jauh lebih rendah daripada padi sawah moden yang dalam keadaan baik boleh mencapai empat hingga enam tan sehektar. Ketiadaan sistem pengairan moden serta penggunaan teknologi penanaman yang masih bersifat tradisional menyebabkan produktiviti padi huma adalah rendah. Pengeluaran yang terhad ini secara langsung menjejaskan tahap bekalan dan tidak mampu memenuhi permintaan dalam pasaran domestik.

Tambahan pula, kawasan penanaman beras Bario seperti Pa' Ukat, Pa' Lungan dan Long Langai tidak mempunyai akses jalan raya yang mantap dan hanya bergantung kepada penerbangan ringan atau jalan balak yang tidak boleh dilalui sepanjang tahun. Ini menyebabkan kos logistik meningkat dan menyukarkan penghantaran ke pusat pemprosesan atau pasaran bandar seperti Kuching dan Miri. Oleh itu, pengedaran Beras Bario kebanyakannya dilakukan melalui saluran tidak formal atau secara terus daripada pengeluar kepada pengguna (*direct-to-consumer*).

Walaupun keluaran Beras Bario adalah sangat terhad, nilai pasaran bagi produk ini kekal tinggi kerana keunikan varietinya dan kekangan bekalan di pasaran. Nilai premium ini muncul daripada pengeluaran yang kecil dan eksklusif, menjadikannya produk niche yang dijual kepada pengguna yang sanggup membayar lebih untuk kualitinya.

Beras Bario dijual pada harga premium antara RM15.00 hingga RM25.00 sekilogram bergantung kepada kualiti, lokasi pemasaran serta kaedah pembungkusan. Harga ini adalah lima hingga lapan kali ganda lebih tinggi daripada harga beras putih tempatan iaitu antara RM2.60 hingga RM3.00 sekilogram. Keadaan ini menunjukkan potensi ekonomi yang signifikan dalam segmen pasaran bernilai tinggi, khususnya jika aspek pemasaran, penjenamaan dan pensijilan dapat diperkukuh secara strategik dan bersepadu.

Sehingga kini, Beras Bario belum memperoleh pensijilan *Geographical Indication* (GI) yang boleh melindungi status asal usulnya, seperti mana yang diberikan kepada produk khas seperti Champagne di Perancis atau Tequila di Mexico. Tanpa perlindungan GI, beras dari kawasan lain mudah dipasarkan sebagai "beras Bario", sekali gus menjejaskan reputasi dan keaslian produk sebenar.

KESIMPULAN

Beras Bario dan padi huma merupakan simbol warisan dan sumber ekonomi penting bagi masyarakat pedalaman di Sarawak. Namun tanpa pengiktirafan formal, pelaburan strategik dan penglibatan aktif dalam dasar pertanian, potensinya tidak akan berkembang. Melalui pendekatan dasar yang lebih inklusif dan lestari, Sarawak mampu menjadikan Beras Bario dan padi huma sebagai komponen utama dalam pembangunan makanan negeri dan negara.

PENAFIAN

Pandangan yang dinyatakan adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan Jabatan Perangkaan Malaysia.

RUJUKAN

1. Jabatan Perangkaan Malaysia. (2025). Laporan Interim Padi - Banci Pertanian 2024.
2. Khazanah Research Institute. (2022). Report on The Paddy and Rice Industry of Sabah and Sarawak - Status and Potential.
3. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. (2024). Perangkaan Agromakanan Malaysia.
4. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. (2021). *Dasar Agromakanan Negara 2021–2030 (DAN 2.0)*.
5. Allan, R., Rosli, A., Daud, A., Lepun, P., Alan, R., Robin, T., Saupi, N., Abdul Aziz, Z. F., King Jie Hung, P., Ramaiya, S. D., Hassan, S., Ismail, Z., Seenivasagam, S., & Sien, L. S. (2023). Farming practices among hill paddy smallholders in Sg. Asap, Belaga, Sarawak. *Journal of Agricultural Studies*, 11(4), 39–57.
6. Suara Sarawak. (2023). *Harga beras tradisional tempatan Sarawak bergantung kepada permintaan dan tawaran*. <https://suarasarawak.my/harga-beras-tradisional-tempatan-sarawak-bergantung-kepada-permintaan-tawaran/>

KEBERKESANAN MEKANISASI KEPADA AKTIVITI PENANAMAN PADI DI SELANGOR, PULAU PINANG DAN NEGERI SEMBILAN

Nurul Faziera Khairul Adlee

Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa, Jabatan Perangkaan Malaysia

PENGENALAN

Aktiviti penanaman padi terus berdepan tekanan pelbagai faktor struktur yang menjejaskan keupayaan negara mengekalkan tahap pengeluaran yang mampan. Kajian menunjukkan bahawa pengurangan kawasan penanaman, perubahan pola iklim serta penurunan hasil di beberapa kawasan utama menjadi antara punca utama kemerosotan prestasi tanaman ini (Zainol Abidin & Dardak, 2023). Perkembangan ini memberi implikasi besar terhadap kestabilan bekalan makanan negara dan meningkatkan keperluan untuk memperkukuh daya tahan sektor padi.

